

E-book  
percuma

Editor:  
Hafiz Hamzah



MATA  
HARI

A stylized illustration of a bowl. The bowl is filled with yellow lines, suggesting steam or flames. The title 'Semangku Interlok' is written in a black, cursive font across the bowl. Above the bowl, there are black and red lines that look like steam or smoke rising. Below the bowl, there are blue lines that look like a base or a shadow.

# Semangku Interlok

## PERIHAL

Siri 'Semangkuk' ialah cubaan untuk menghasilkan beberapa e-book kecil yang berkisar tentang suatu isu semasa, tetapi tidak semestinya dilihat dengan cara yang mendominasi wacana massa.

*Semangkuk INTERLOK* merupakan buku pertama, dan mula diedar secara percuma di Internet mulai Mei 2011.

Maklumat tentang buku 'Semangkuk' yang lain (jika ada) boleh didapati di [www.mataharibooks.com](http://www.mataharibooks.com)

## EDITOR

**Hafiz Hamzah**, 29, seorang pengamat dan penikmat sastera. Graduan Universti Malaya yang kini menghabiskan banyak masa dengan menulis (selain membaca), antara lain untuk lapangan automotif, juga mengulas tentang buku/sastera dan muzik moden. Pernah menyumbang tulisan di dalam terbitan-terbitan independen dan perdana seperti *Elarti II*, *Salun Eksotikata* (antologi sajak) serta mengelola kolum mingguan *Buku* di akhbar *Kosmo!* (2009-2010). Turut menerbitkan beberapa tulisan serta terjemahan di [www.jalantelawi.com](http://www.jalantelawi.com).

## CONTENTS

KATA AWAL: BUKA CORONG <i>Hafiz Hamzah</i>	5
ADA APA DENGAN INTERLOK <i>Dr. Jeniri Amir</i>	7
CIKGU! MANIAM BUKAN PARIA <i>Uthaya Sankar SB</i>	11
IMBAU KATA, SEBUAH NOVEL <i>S. Fatimah Said</i>	15
PEREMPUAN-PEREMPUAN INTERLOK <i>Subashini Navaratnam</i>	19
INTERLOK DAN KRITIK SOSIAL <i>S.M. Zakir</i>	23
KISAH-KISAH YANG TAK DIINGATI <i>Umapagan Ampikaipakan</i>	29
INDERALOKA <i>Hafiz Hamzah</i>	31
KEPENTINGAN INTERLOK DAN PROSES PENGKARYAAN <i>Dr. Fatimah Busu</i>	36
BAGAIMANA KITA MENGGAGALKAN INTERLOK <i>Amir Muhammad</i>	43
NOTA PARIA TENTANG SASTERA <i>Mohd Affandi Hassan</i>	47

## KATA AWAL: BUKA CORONG

JARANG-JARANG kita menemukan sebuah polemik kesusasteraan. Di Malaysia apatah lagi. Yang muncul ditengah-tengah khalayak juga tak selalu mengandung isi yang melapangkan, atau mengghairahkan. Yang ada, seperti yang pernah kita saksikan, adalah pertikaman lidah yang menyempitkan, menyesakkan. Barang tentu, anda yang menatap buku ini mungkin lebih arif dengan latar yang dimaksudkan.

2011 adalah tahun untuk *Interlok*. Palu gendang yang berdentum-dentam menguak banyak sisi dan kesanggupan segelintir masyarakat. Mulanya dengan riuh-rendah, kecoh, laungan perjuangan dan apa-apa lagi. Tetapi di antara heboh dan sebuah teks yang namanya *Interlok* itu ialah sebuah kekecewaan.

Kekecewaan kerana buku itu melonjak popular oleh sebab yang salah. Kecewa kerana provokasinya sedikit mengganggu dan cetek. Kecewa juga kerana respon yang sebetulnya ingin menyanggah itu pun dalam diam-diam menggumam emosi yang mengatasi rasional. Jawapan balas, pada kebanyakan waktu, tidak banyak menyernihkan. Cuma dihadirkan untuk menyebelahi, untuk memenangi sebuah pertarungan yang dimulakan dengan kelam. Di akhir nanti, harap-harapnya kita tidak terjelus sekali di dalam lubang yang lebih kumuh dan dibiarkan sesak nafas, akibat kebanalan sendiri.

Kesusasteraan bukan milik siapa-siapa. Kesusasteraan wajar dicabar. Seorang pengarang, serta khalayaknya, berkongsi satu pentas yang kabur. Di gelanggang itu, tidak ada yang suci, atau tak tersentuh. Jika siap melontarkan sesuatu ditengahnya, maka perlu bersedia juga menempis tempias yang terpantul balik. Kedua-dua pengarang dan khalayaknya wajib bertanggungjawab.

Di dalam proses panjang inilah – melontarkan dan menempis tempias – selalunya polemik akan hadir. Tetapi jarang dipersembahkan di dalam suasana yang bijaksana. Jarang ditemukan kualiti untuk kita berfikir panjang. Semuanya gopoh-gopoh. Provokasi gelojoh, memberi jawapan balas juga caca-marba. Semacam memberi isyarat bahawa kita sudah lama terputus dengan tradisi penghujahan berhemah. Kelompok ini dikhuatiri menjadi sekumpulan orang-orang reaksioner semata, dan memerangkap khalayak umum yang sekadar menganut faham popular atau perdana.

Bagi insiden khalayak kita yang bertembung dengan *Interlok*, entah kata apa yang perlu dirujuk untuk menggambarkan suasana ini. Ingin dipanggil polemik, ia seperti tiada pasak-pasak yang kukuh untuk menjadi premis – sering tak ada kualiti yang sepatutnya. Hendak membantai sumberono, itu memang kerja mudah, dan memang itulah yang dilakukan kebanyakan orang.

Hendak menyuarakan sokongan, sudah tentu. Tetapi dalam kerangka dan pendekatan yang bagaimana? Kalau kita berdiri ditengah khalayak yang hanya mengikuti perkembangan ini, sudah tentu kita mengharapkan proses itu kembali menjernihkan, bukan semakin ditolak ke sisi ekstrim, misalnya menyebut-nyebut tentang perkauman, seperti yang selalu didengari.

Mungkin soalan-soalan paling penting untuk dijawab semula ketika ini ialah; adakah *Interlok* sebuah novel yang bagus? Jika ya, mengapa sebelum ini *Interlok* dipandang sepi dan tidak memenangi hati khalayak besar seperti yang sepatutnya? Mengapa juga sebelum ini tidak banyak perbincangan-perbincangan terbuka yang kedengaran untuk membahas novel berkenaan? Perhatian mendadak yang diberikan semenjak pertembungan terbaru itu adakah ia disebabkan kualiti novel berkenaan atau sekadar suara-suara simpatisan terhadap pengarangnya? Jika novel ini disertakan dalam subjek di sekolah, apakah matlamat pengajarannya? – sebagai memerhati potret hubungan antara kaum ataupun kritik sastera (yang kita tahu selalu menjadi tidak penting, termasuk di luar pagar sekolah-sekolah di Malaysia)?

Memang, bertubi soalan yang menyergah. Dan, novel yang baik selalunya mampu bertahan dihadapan kritikan dan menjadi matang untuk terus diingati. Jika sesebuah novel itu dilupakan orang, tidak hanya khalayak yang patut dipersalahkan. Pengarang juga adalah sebahagian besar daripada kegagalan itu.

Buku kecil ini tidak bermaksud untuk menawarkan penyelesaian mutlak. Tetapi, ia menghimpunkan beberapa suara yang berbeza-beza untuk mengusulkan sisi-sisi yang pelbagai terhadap novel berkenaan, tidak hanya tertumpu kepada isu atau permasalahan yang timbul diselingkannya – nostalgia, cerminan dan kekalutan kita dalam memahami hal-hal berkait kesusasteraan di Malaysia.

10 komentar yang dimuatkan disetiap lembar buku ini ada di antaranya merupakan tulisan-tulisan yang pernah terbit di merata saluran – akhbar perdana, portal atas talian, blog persendirian serta tidak ketinggalan beberapa tulisan yang belum pernah diterbitkan, yang dirasakan mampu memberi sedikit pandangan dari sudut-sudut berlainan untuk diperpanjangkan pemerhatian terhadap novel berkenaan.

Buku ini hanya seperti sebuah mangkuk yang di dalamnya ada beberapa jenis bahan dan ramuan dalam jumlah terhad untuk dihidangkan. Sama ada nanti ia akan diteguk atau dibuang oleh yang membaca, itu terserah.

**Hafiz Hamzah**

29 Mac 2011

Kuala Lumpur

## ADA APA DENGAN *INTERLOK*

*Dr. Jeniri Amir*

KALI TERAKHIR saya bertemu dengan Datuk Abdullah Hussain, penulis novel yang hangat dan kontroversi dari pertengahan Disember 2010 hingga akhir Januari 2011 adalah pada tahun 2005, ketika saya mengikuti PhD di Universiti Malaya. Beliau tinggal di rumah banglo setingkat yang dibeli dengan harga RM70,000 pada akhir 1960-an di Petaling Jaya, tidak jauh dari Universiti Malaya. Beliau mengatakan terdapat beberapa orang yang berminat membeli rumah itu dengan tawaran sehingga RM1 juta, tetapi beliau tidak berhasrat menjualnya. Hal ini menggambarkan peningkatan nilai hartanah di kawasan itu dalam tempoh sekitar 30 tahun.

Sasterawan Negara yang lebih mesra dengan panggilan Pak Lah dalam kalangan penulis, sasterawan dan peminat sastera yang saya kenali ketika beliau menjadi Karyawan Tamu di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 1981. Ketika itu, kami sering keluar berjalan-jalan di bandar Pulau Pinang, termasuk sekali-sekala dengan Datuk Jamil Sulong, pelakon dan penerbit filem tersohor. Pak Lah yang bersuara lembut memang seorang pencerita yang hebat, sebagaimana terpancar dalam novel dan cerpen beliau. Sebagai pelajar saya sering berborak-borak dan makan-makan bersama-sama beliau termasuk di dalam kampus USM yang indah permai. Pak Lah saya anggap sebagai mentor dan ayah angkat saya, malah beliau adalah insan yang bertanggungjawab memperkenalkan saya kepada Islam.

Beliaulah yang membetulkan tulisan saya, termasuk rencana dan puisi ketika saya baru belajar menulis, selain membantu saya menghantar karya berkenaan kepada editor *Dewan Masyarakat* dan *Dewan Sastera*. Jasa Pak Lah tidak mungkin saya lupai. Ketika saya mengunjungi beliau di Petaling Jaya kira-kira enam tahun lalu, Pak Lah, tidak lagi seperti Pak Lah yang saya kenali pada awal 1980-an. Pendengaran beliau tidak lagi begitu baik sehingga saya perlu bercakap kuat atau menulis sesuatu di atas kertas. Saya begitu pilu mengenang nasib yang menimpa Pak Lah yang suatu ketika begitu bertenaga, gigih, berdisiplin dan prolifik. Kini Pak Lah menggunakan kerusi roda untuk bergerak dan beliau menjawab pertanyaan wartawan dengan menulis jawapan di atas kertas.

Sebagai orang yang rapat dengan Pak Lah, saya berani mengatakan bahawa kontroversi yang melanda karya yang ditulis beliau pada 1967 itu di luar jangkauan beliau, apatah lagi karya itu pernah digunakan sebagai teks di sekolah menengah dan universiti sebelum ini. Sebagai sasterawan dan insan yang berjiwa lembut dan begitu berbudi bahasa, kata-kata dan perbuatan 100 orang India yang membakar novel berkenaan, sudah pasti menghiris jiwa lembut beliau. Saya tidak hairan, jika beliau menitikkan air mata mengenang nasib yang menimpa karya itu. Sedangkan ketika beliau menulis novel berkenaan hampir 40 tahun lalu, beliau telah membuat kajian, termasuk bertanya pensyarah India di Universiti Malaya. Tujuannya bagi mendapatkan maklumat dan mengesahkan fakta khususnya berkaitan dengan kehidupan kaum India.

Manakala bagi masyarakat Cina pula, Pak Lah dalam buku *Proses Kreatif: Satu Pengalaman Rohani* (DBP, 2010) pula menjelaskan bahawa beliau mempelajari serba sedikit tentang orang Cina ketika bergaul dengan masyarakat itu di kampung beliau di Aceh dan juga di Singapura dan Petaling Jaya. Pengetahuan berkenaan ditambah pula dengan pengalaman menterjemahkan novel *My Chinese Wife*, *The Good Earth* dan *East Wind West Wind*. Beliau mengakui bahawa buku berkenaan banyak memberi pengetahuan tentang sosiobudaya dan emosi orang Cina. Pak Lah pernah memaklumkan kepada saya bahawa sebenarnya dari segi teknik penulisan untuk novel itu, beliau telah cuba menerapkan gaya Steinbeck dalam *Red Phony*. Teknik penulis agung itu membina plot cuba diterapkan oleh Pak Lah dengan menjadikan setiap bab sebagai sebuah unit cerita yang dapat berdiri sendiri. Pak Lah telah membina empat bab untuk novel *Interlok* dengan bab terakhir bertindak sebagai 'interlok' yang berperanan sebagai kesimpulan dan pengikat bagi ketiga-tiga bab sebelumnya. Dalam bab itulah Sasterawan Negara itu cuba memecahkan tembok polarisasi kaum melalui bahasa kebangsaan.

Sebenarnya, novel *Interlok* merupakan satu daripada empat buah novel yang memenangi hadiah sagu hati dalam Peraduan Sepuluh Tahun Menyambut Kemerdekaan anjuran DBP pada 1967. Sesuai dengan objektif sayembara, syarat yang dikenakan ialah penulis dikehendaki menggarap tema dan permasalahan berkaitan perpaduan. Sebenarnya, ketika hendak memberi judul, Abdullah Hussain berdepan dengan sedikit masalah. Justeru, beliau telah meminta pandangan dan bantuan beberapa orang teman di DBP. Akhirnya, beliau bersetuju dengan cadangan Kamaruzzaman dengan judul *Interlok*. Seolah-olah bagai satu kelaziman pada waktu itu, hakim mendapati tidak ada karya yang layak mendapat tempat pertama dan kedua. *Sandera* karya Arenawati mendapat tempat ketiga, Karya lain yang mendapat hadiah sagu hati ialah *Pulanglah Perantau* nukilan Aziz Jahpin, dan *Merpati Putih Terbang Lagi* oleh Khatijah Hashim, *Badan Bertuah* karya Ismail al-Falah dan *Meniti Buih* karya Alias Harun.

Pak Lah, kini berusia 91 tahun, telah menghasilkan 20 novel, dengan *Imam*, *Kuala Lumpur Kita Punya* dan *Interlok* sebagai antara yang terkenal. *Interlok*, teks sastera untuk pelajar Tingkatan Lima tahun ini merupakan novel yang paling hangat dan kontroversi dan banyak diperkatakan dalam sejarah sastera Melayu tanah air. Jika *Shit* karya Shahnnon Ahmad pada 1999 dahulu heboh kerana persoalan yang mengkritik Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri, *Interlok* pula kontroversi kerana penggunaan perkataan "paria" sebanyak dua kali.

Antara perenggan yang menggunakan perkataan paria adalah apabila penulis menceritakan latar belakang Maniam yang berasal dari Tircur, Kerala ke Tanah Melayu sebelum negara ini mencapai kemerdekaan. Kata penulis: “Di dalam kapal dia tidak susah. Sebahagian besar daripada penumpang dek yang bersama-samanya itu dapat bercakap dalam satu bahasa sahaja, bahasa Tamil... Satu perkara besar yang membuat mereka senang bergaul adalah mereka tergolong dalam satu kasta paria.”

Jika *Shit* disarankan supaya diharamkan pengedarannya, kaum India termasuk MIC mahu supaya *Interlok* ditarik balik dan tidak digunakan sebagai teks. Jika *Shit* meledak di pasaran gara-gara kontroversi sehingga terjual sehingga lebih 300,000 naskhah, tidak termasuk cetak rompak, *Interlok* tidak menerima nasib yang sama. Saya percaya jika kontroversi sedemikian berlaku di Indonesia atau di Barat, sudah pasti, *Interlok* telah menggelegak di pasaran dan berada di papan atas buku terlaris. Tetapi, pihak DBP kelihatan tidak berminat memanfaatkan kontroversi berkenaan untuk mencetak dan mengedarkan seluas-luasnya novel itu supaya orang ramai dapat membaca dan memahami kewajaran hujah kedua-dua pihak. Ketika ke Kuala Lumpur minggu lalu, sukar sekali mencari buku itu di pasaran.

Ada apa dengan paria? Paria mengikut *Kamus Dewan* bermaksud orang atau golongan yang paling rendah dalam kasta India.

Dalam sistem kasta, sebenarnya terdapat lima kelas, iaitu Brahmin, Ksatria, Vaisya, Sudra dan Pariah. Jika kaum Brahmin berkulit putih, golongan paria pula berkulit hitam dan bekerja sebagai buruh kasar. Sebagai kelas terendah, golongan paria merupakan golongan yang tidak boleh disentuh atau “untouchables”. Adakah kaum India di negara ini mahu menafikan kewujudan sistem kasta? Sistem kasta sebenarnya turut diperincikan dalam banyak karya seperti *Nectar in a Sieve* karya Kamala Markandaya yang diterjemahkan menjadi *Madu Dalam Saringan* oleh DBP. Juga, dalam *Sweet Vendor* oleh RL Narayan, *Untouchable* karya Mulk Raj Anand, dan *Kanthapura* nukilan Raja Rao.

Kewujudan perkataan tersebut tidak disenangi oleh kaum India, kerana dianggap menghina mereka. Mereka begitu marah, sampai ada yang bertindak biadab dan tidak bertamadun dengan membakar novel terbabit. Sedangkan jika dibaca dengan teliti, penulis sama sekali tidak membuat komen atau cuba menghina kaum India seperti didakwa pemimpin, NGO dan masyarakat India. Adakah kita sudah terlalu sensitif atau sudah hilang sifat toleran? Atau sebenarnya kita sudah hilang kewarasan dan pertimbangan?

Bayangkan jika tuntutan seperti ini dilayan, apakah yang akan berlaku selepas ini? Kerajaan perlu sedar bahawa ini hanya permulaan. Hanya kerana perkara kecil, masyarakat India akan mencari alasan untuk membuat tuntutan dan tekanan. Kini pun mereka sudah memberi tekanan kepada kerajaan, malah Persekutuan Pertubuhan India Malaysia (PRIMA) sudah bertindak kurang ajar dan keterlaluan apabila menyifatkan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang juga Menteri Pelajaran sebagai “penipu, pendusta, dan pengkhianat”.

*Interlok* menjadi mangsa manipulasi pemimpin politik dan pihak tertentu kerana agenda tersembunyi. Berapa orangkah yang telah habis membaca dan benar-benar memahami tema, persoalan dan mesej dalam buku itu? *Interlok* bukan sahaja memaparkan realiti zaman atau semangat zaman, tetapi juga diadunkan dengan teknik penceritaan yang menarik. *Interlok* perlu dibaca dengan kepala dingin dan bukan dikupas dengan hati panas.

Sesungguhnya, *Interlok* mendukung mesej 1Malaysia apabila tiga kaum – Melayu, Cina dan India bersatu hati dan bekerjasama, sanggup berkorban demi keharmonian dan keamanan, memperlihatkan semangat perpaduan, selain memaparkan realiti sejarah awal negara ini. Kita tidak harus mentafsir *Interlok* dari kaca mata perkauman; sebaliknya membacanya dalam konteks zaman dan mesej sebenar yang cuba disampaikan.

# CIKGU! MANIAM BUKAN PARIA

*Uthaya Sankar SB*

ADIK-ADIK sekalian,

Mulai tahun 2011, adik-adik yang belajar di Tingkatan Lima di Selangor, Putrajaya, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan (Zon Tengah) boleh berjalan sambil mendabik dada kerana adik-adik diiktiraf ‘bukan budak-budak lagi’ dan mampu membicarakan topik-topik yang menyentuh sensitiviti masyarakat pelbagai kaum di negara bertuah ini secara akademik, terbuka dan penuh rasional.

Hakikat yang boleh dipertikaikan tetapi tidak dapat dinafikan adalah bahawa sistem pendidikan di negara kita pada masa kini hanya lebih berjaya melahirkan ‘robot’ yang berkeupayaan tinggi untuk ‘makan bersuap’ dan menghafaz segala fakta dari buku panduan menjawab soalan peperiksaan sebelum dimuntahkan ke atas kertas jawapan di dewan peperiksaan, lalu muncul menjadi pelajar cemerlang dengan deretan ‘A’ serta menjadi kebanggaan ibu bapa, guru, sekolah, masyarakat, kaum, agama, nusa, bangsa dan negara.

Namun, kini, segalanya berubah sebaik sahaja novel *Interlok* edisi murid (DBP: 2010) diperkenalkan sebagai teks Komponen Sastera Dalam Mata Pelajaran Bahasa Malaysia (Komsas). Adik-adik di Zon Tengah kini diiktiraf sudah matang dan mampu berhujah secara rasional apabila berhadapan dengan kisah keluarga Seman, Cing Huat dan Maniam menerusi novel ini.

(Maaf! Adik-adik di zon-zon lain mungkin perlu tunggu sepuluh tahun lagi sebelum dinilai dan diiktiraf sudah ‘matang’ dan ‘dewasa’.)

Adik-adik sekalian,

Saya faham bahawa adik-adik sibuk dengan pelbagai tugas serta aktiviti kurikulum, kokurikulum dan tuisyen sehingga (mungkin) tidak sempat mengumpulkan maklumat secukupnya untuk mampu membincangkan novel *Interlok* edisi murid di kelas. (Manakala pelbagai versi sinopsis boleh dibaca menerusi pelbagai buku panduan yang sudah pun berada di pasaran.)

Jangan lupa bahawa Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN) pasti sudah menasihatkan para guru mengumpulkan maklumat tambahan di luar novel *Interlok* edisi murid untuk dikongsikan bersama para pelajar semasa perbincangan novel *Interlok* edisi murid di kelas.

Maka, bagi memastikan guru-guru yang penuh dedikasi, rela berkorban (*terpaksa* berkorban?) dan sanggup mengumpul bahan-bahan tambahan bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) tidak kecewa melihat hanya ‘robot’ duduk menghadap mereka di bilik darjah, berikut sedikit maklumat berguna dan fakta sahih yang boleh adik-adik salin, cetak, fotokopi, berkongsi pautan (*link*) di ruang siber serta sebarkan kepada rakan-rakan pelbagai kaum di Zon Tengah.

Adik-adik sekalian,

Sebaik sahaja guru subjek Bahasa Malaysia (ulang: *Bahasa Malaysia*) mula bercakap mengenai watak Maniam, ‘si paria dari Kerala’, terus angkat tangan dan tegaskan dengan berani:

“Cikgu! Maniam bukan paria.”

Saya percaya guru anda yang penuh dedikasi dan berpegang teguh pada etika profesion perguruan serta matlamat ‘mengajar murid tentang erti penyatuan dan perpaduan seperti konsep 1Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Dato’ Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak’ (petikan *blurb* novel *Interlok* edisi murid) akan memuji sikap ‘proaktif, inovatif dan kreatif’ yang anda tunjukkan.

Guru anda mungkin menjemput anda ke hadapan kelas untuk menerangkan apa yang anda maksudkan dengan kata-kata ‘Maniam bukan paria’. Malah, siapa tahu, guru berkenaan akan menarik nafas lega dan melafazkan syukur kerana sekurang-kurangnya untuk beberapa minit, beliau tidak perlu bercakap kepada dinding-dinding di bilik darjah!

Adik-adik sekalian,

Dalam keadaan sedemikian, ketepikan sebentar sentimen perkauman (yang sebenarnya sentiasa dipupuk dan dibajai secara berterusan oleh pihak tertentu), lalu berhujahlah secara rasional dan matang berdasarkan fakta-fakta berikut:

Cikgu! Maniam bukan paria kerana di halaman 215 novel *Interlok* edisi murid dijelaskan bahawa dia dan keluarganya tidak makan daging lembu. Mengikut fakta yang boleh dibuktikan oleh pakar budaya India seperti pensyarah di Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya (UM), Profesor Dr Rajantheran Muniandy, ‘paria’ merujuk kepada golongan yang makan daging lembu. Maka, Maniam bukan paria.

Cikgu! Maniam bukan paria kerana di halaman 214-215 novel *Interlok* edisi murid disebut bahawa dia memiliki beberapa ekor lembu dan 'salah seekor lembu jantannya' digunakan untuk mengambil upah membajak sawah milik orang lain. Keluarga yang mampu memiliki lembu dianggap 'mewah' dan 'bertuah' dalam budaya India, apatah lagi di negara India pada sekitar tahun 1910 di mana kisah dalam novel ini berlaku. Mustahil seorang paria mampu hidup se'mewah' itu. Maka, Maniam bukan paria.

Cikgu! Maniam bukan paria kerana di halaman 215 novel *Interlok* edisi murid disebut bahawa 'Sebelum berangkat dia (Maniam) telah menggadaikan tanah dan rumahnya kepada tukang pinjam wang di pekan.' Keluarga yang mampu memiliki rumah dan tanah dianggap 'mewah' dan 'berharta', apatah lagi di negara India pada sekitar tahun 1910 di mana kisah dalam novel ini. Mustahil seorang paria mampu hidup se'mewah' itu. Maka, Maniam bukan paria.

Cikgu! Maniam bukan paria kerana di halaman 211 novel *Interlok* edisi murid dinyatakan bahawa 'Maniam berangkat atas kemahuan sendiri' iaitu pasti sahaja merujuk kepada Sistem Kemasukan Buruh Bebas yang 'dilaksanakan pada peringkat awal pemerintahan British di Taman Melayu' seperti dijelaskan dalam buku *Pengajian Malaysia* (2002) yang dijadikan buku rujukan di beberapa institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) seluruh negara (termasuk Semenanjung Malaysia).

Mulai tahun 1859, kemasukan buruh dari India menerusi sistem ini 'terbantut' kerana tambang terlalu tinggi berikutan penguatkuasaan Undang-undang Penumpang. Jadi, jika Maniam masih mampu datang ke Pulau Pinang menerusi Sistem Kemasukan Buruh Bebas pada Julai 1910, tentu dia bukan paria yang tidak ada duit. Malah, secara rasional, mustahil ada orang di desanya yang sanggup memberi pinjaman dalam jumlah terlalu tinggi kepada seorang paria untuk pergi ke Malaya 'atas kemahuan sendiri' tanpa sebarang jaminan kerja. Maka, Maniam bukan paria.

Cikgu! Maniam bukan paria kerana saya mengikuti, membaca dan memahami hujah-hujah akademik serta dalil-dalil sah yang dikemukakan Kumpulan Sasterawan Kavyan (Kavyan) dari semasa ke semasa di blog. Saya lakukan demikian kerana saya faham bahawa beban kerja dan tugas cikgu bukannya mudah, apatah lagi kini dengan kontroversi *Interlok* edisi murid yang belum selesai.

Saya sarankan cikgu meminta kebenaran daripada pengetua kita – yang amat penyayang dan tidak mengamalkan sebarang bentuk prejudis perkauman – supaya menjemput wakil Kavyan datang ke sekolah dan memberikan taklimat khas percuma (ulang: percuma) mengenai novel *Interlok* edisi murid secara akademik dan intelektual demi manfaat para pelajar, serta demi membantu kami (yang merupakan pemimpin masa depan) benar-benar menjadi lebih 'matang' dan 'dewasa' serta mampu berhujah secara rasional dan berbobot, seperti diharapkan Perdana Menteri yang amat kita cintai dan kasih.

Adik-adik sekalian,

Guru subjek Bahasa Malaysia yang mengajar Komsas pasti akan memanjangkan syukur kerana bertuah mendapat sekumpulan pelajar pelbagai kaum yang proaktif, inovatif dan kreatif seperti anda. Atau sekurang-kurangnya, beliau boleh bersyukur kerana semasa taklimat khas percuma dijalankan wakil Kavyan nanti, guru berkenaan boleh membereskan kerja-kerja hakiki yang masih bertimbun-timbun di atas meja di bilik guru.

# IMBAU KATA, SEBUAH NOVEL

S. Fatimah Said

## Sebelum membaca inti cerita:

KETIKA MENDENGAR khabaran berita berkaitan isu *Interlok*, saya berasa terpanggil untuk mengetahui apakah sebenarnya yang dibincangkan oleh beberapa pejuang sastera sehingga menjadi isu yang hangat dalam kalangan masyarakat. Tambahan lagi, apabila novel yang bertajuk *Interlok* telah dibakar oleh mereka yang saya ertikan sebagai kurang faham.

Selain itu, timbul beberapa persoalan di benak, tentang perkaitan tajuk novel tersebut dengan isu yang dibangkitkan sehingga mendatangkan kemarahan pada segolongan masyarakat malah melibatkan 'orang politik'. *Interlok*? Puas saya mencari perkataan ini dalam Kamus Dewan Edisi Keempat mahupun edisi yang lain. Tetapi masih tidak ditemukan lagi dengan maknanya. Disebaliknya kegigihan pencarian maksud *Interlok*, saya terjumpa perkataan *interlokal* yang memberi maksud antara dua atau lebih tempat (perhubungan dan lain-lain). Maka, secara kasarnya (sebelum membaca inti cerita) saya menafisir bahawa buku ini tentunya ada melibatkan beberapa kaum.

Namun, simpulan persoalan masih dan terus menyimpul di benak ini, sehinggakan saya bertanya sendirian tentang apakah benar isu yang digembar-gemburkan dengan hanya penggunaan perkataan yang dikatakan seakan mencucuk selumbar di dalam daging segolongan bangsa menjadikan novel ini mendapat tempat di dada akhbar dan medium lain seperti artis yang sedang hangat dengan gosip? Atau apakah ianya sekadar mainan sesetengah golongan yang mahu mencari 'publisiti'? Ataukah kehangatan isu novel ini mahu membuka mata dan minda semua golongan masyarakat tentang sejarah bangsa? Masakan buku yang telah terbit berpuluh tahun dulu lamanya terdapat kesilapan sehinggakan segolongan masyarakat pada generasi kini, membara api kemarahannya kononnya dengan sepatah perkataan? Di manakah kesilapannya? Sekiranya penceritaan dalam buku tersebut menyentuh sensitiviti sesetengah golongan masyarakat, mengapa tidak dari dulu lagi buku ini dibekukan? Di situ logiknya, bahawa buku ini sebenarnya ada pengajaran yang besar tetapi tidak terlihat oleh mereka yang kurang faham. Atau, adakah segolongan masyarakat generasi kini tidak menerima warisan atau sejarah nenek moyang mereka dek kerana dabik dadanya semakin besar dan senang di tanah bumi ini?

Begitulah persoalan yang terus mengasak minda saya sebelum saya menatap novel ini dan menghadami inti cerita.

*Semasa membaca inti novel Interlok:*

SUKA SAYA mememetik petikan daripada akhbar *Mingguan Malaysia* pada 6 Februari 2011 (Ahad): *Interlok* berasal daripada perkataan Inggeris, Interlock- tanpa abjad 'c'. Kamus Oxford memberikan dua erti: 1. Memadankan antara yang satu dengan yang lain, 2. Kain tenunan mesin yang berjahitan halus.

Itulah antara petikan yang dapat saya ceduk daripada akhbar ketika sedang berusaha menghabiskan pembacaan novel *Interlok*. Saya juga bersetuju dengan pihak yang bertanggungjawab dalam menyatakan makna sebenar interlok, malah menjadikan saya puas dan semakin bersemangat membaca novel itu untuk memahami keseluruhan inti cerita. Saya turut menyokong dan cenderung memilih makna Interlok pada makna yang pertama iaitu memadankan antara yang satu dengan yang lain.

Hal ini jelas membuktikan melalui penceritaan SN Abdullah Hussain yang menyatakan beberapa watak seperti Seman dan Cing Huat dalam buku pertama di dalam bab *Keluarga Seman*. Meskipun penceritaan awal tidak menampakkan makna interlok seperti yang dinyatakan, tetapi masih wujud bauan makna itu dalam penceritaannya yang mana Seman mula mencari Pak Utih, seorang yang pandai merawat penyakit. Hal ini dapat dikukuhkan lagi apabila Seman kembali mendapatkan Pak Utih sebagai perawat sakit bapanya, Musa. Jika sebelum ini, Seman bertukar-tukar dukun untuk merawat sakit bapanya tetapi kali ini dia mula membina kepercayaan kepada Pak Utih. Melalui pembinaan kepercayaan Seman dan Pak Utih, saya dapat rasakan bahawa penceritaan awal ini juga masih mendukung makna Interlok yang mana boleh dikatakan Seman dan Pak Utih mula dipadankan kepercayaannya untuk merawat sakit Musa.

Dalam berusaha menghadami inti cerita juga, saya cuba membuat tafsiran awal tentang cerita ini bahawa ianya adalah satu kisah yang sebenarnya mahu membuktikan kehadiran pelbagai bangsa di Tanah Melayu dulu. Saya meneruskan bacaan sehingga bab keluarga Maniam. Urutan cerita ini membuatkan hati saya terdetik untuk menganalisis tentang tema dan persoalan yang dibawa oleh pengarang. Mencari dan terus mencari. Apakah yang mahu dikembangkan oleh pengarang dan mesej yang mahu disampaikan.

*Selesai membaca Interlok (menerusi tema yang diangkat):*

18 FEBRUARI adalah tarikh yang membuatkan saya berasa lega. Saya berjaya menghabiskan pembacaan *Interlok* dalam tempoh beberapa minggu meskipun terdapat kekangan masa. Maka, segala tafsiran awal yang saya buat terdapat kesilapan dan ada juga tepat. Saya tertarik pada tema yang dibawa oleh pengarang serta kekreatifan beliau dalam menggarap cerita.

Menerusi novel *Interlok*, tema yang diangkat adalah kesepakatan dan kesepaduan tiga bangsa utama yang berbeza di Tanah Melayu demi mencapai kemerdekaan dan hidup bersama dalam keadaan yang aman dan damai. Hal ini dapat dibuktikan melalui kesepakatan dan kesepaduan yang ditunjukkan oleh tiga bangsa utama dalam novel ini iaitu Melayu yang diwakili oleh Seman, Cina diwakili oleh Cing Huat dan India diwakili oleh Maniam. Mereka bertiga berkerjasama dan saling membantu bagi memastikan kesepaduan wujud dalam masyarakat yang berbilang kaum.

Seterusnya kesepakatan jelas ditunjukkan melalui penubuhan beberapa persatuan bagi menentang Malayan Union oleh Melayu, Cina dan India. Ketiga-tiga persatuan besar ini telah mengadakan satu pertemuan dan membincangkan hal-hal bagi menuntut kemerdekaan dan akhirnya kemerdekaan berjaya mereka miliki. Kesepakatan yang ditunjukkan melalui semangat sepadu itu berjaya membuahkan hasil.

Jelas di sini, tema yang diangkat tidak langsung menyentuh mana-mana isu sensitif masyarakat. Namun, satu perkataan yang sahaja yang digunakan sebanyak dua kali iaitu perkataan 'paria' yang dianggap satu penghinaan oleh golongan masyarakat India. Perkataan ini terdapat pada halaman 211, novel *Interlok* Edisi Pelajar. Penggunaan kata tersebut boleh dirujuk pada petikan dibawah:

*"...Satu perkara besar yang membuatkan mereka senang bergaul adalah kerana mereka tergolong dalam satu kasta paria."* (Halaman 211, *Interlok*: Edisi Pelajar)

Sebagai rakyat Malaysia yang telah membaca novel *Interlok*, saya tidak merasakan penggunaan paria dalam novel seperti yang dinyatakan di atas adalah menyentuh sensitiviti kaum tersebut. Malah, ia menyatakan kedudukan sebenar kewujudan perkataan tersebut dalam masyarakat India di negara mereka sejak dari dulu lagi. Pada saya, satu keuntungan pada kaum tersebut kerana masih ada yang cakna dan sudi mencoretkan kisah atau sejarah dan istilah yang telah terbiasa nenek moyang mereka gunakan sebelum kewujudan mereka di Tanah Melayu.

Berfikiran positif itu adalah penting dalam setiap penafsiran kata atau istilah. Hal ini kerana terdapat golongan yang saya ertikan sebelum ini sebagai kurang faham telah bertindak membakar buku tersebut dengan niat mahu memboikot hasil tulisan pengarang. Persoalan saya kepada mereka yang membakar, adakah anda sudah membaca keseluruhan cerita dan penekanan pada bahagian yang menggunakan istilah 'paria'?

Tegasnya, berbicara tanpa ilmu itu adalah sia-sia. Saya tidaklah menjuruskannya kepada satu kaum saja, tetapi melibatkan seluruh rakyat Malaysia terutamanya yang memegang Kad Pengenalan dan ditulis sebagai warganegara. Hentikan tindakan yang sia-sia itu kerana setiap halaman yang hangus dibakar itu berdirinya ribuan perkataan malah saya menganggap bahawa ia adalah sejarah rentetan perkembangan bangsa di Tanah Melayu. Tambahan lagi, anak muda generasi kini semakin culas dan lemah dalam memahami dan menghadami kisah sejarah nenek moyang mereka. Apakah salah pengarang dan apakah salah inti cerita sehingga diperlakukan sedemikian rupa? Sedangkan lontaran idea dan pemikirannya bukan atas niat mahu menikam maruah bangsa.

Pada saya, ini adalah salah satu alternatif jangka panjang pengarang yang seakan mampu menilik corak masa depan Negara tentang kecenderungan generasi milenium terhadap sejarah bangsa. Sebagai inisiatif, beliau telah lebih awal menyumbang idea dan menghasilkan sebuah novel bertajuk *Interlok* yang pada saya lebih berkisarkan sejarah malah menunjukkan pengajaran yang banyak untuk kita sebagai rakyat Malaysia untuk dicontohi.

Merujuk pada persoalan yang diujarkan oleh pengarang, antaranya kasih sayang, tolong-menolong, bekerjasama, kesepakatan, semangat juang dan hormat-menghormati. Persoalan ini yang menyokong penuh tema yang dibawa oleh penulis dalam buku ni benar-benar menunjukkan kesungguhan dan keikhlasan pengarang ketika menghasilkan novel ini.

Seringkali saya ingatkan pada diri ini serta rakan-rakan yang lain bahawa sejarah tidak mampu diubah. Begitu juga warisan nenek moyang. Segalanya bergantung kepada diri kita sendiri sama ada mahu mengakuinya, mempertahankannya atau sebaliknya. Begitulah penyudah kata, perit itu adalah satu kepayahan untuk diterima. Tapi pada hakikatnya itulah realiti sebenarnya bahawa sistem kasta pernah dan masih berlaku di Negara mereka. Pengarang tidak wajar disalahkan kerana mereka hanya melontarkan pemikiran mereka dan bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada pembaca bukan untuk menghina pembaca.

Sebagai saranan, saya berasa wajar novel *Interlok* ini dibaca oleh setiap rakyat di Malaysia kerana novel ini tidak pernah menghina mana-mana kaum malah mengajar kita untuk mengenal siapa diri kita sebenarnya. Dalam pada itu, novel ini sarat dengan pengajaran dan teladan yang saya kira mampu menyedarkan setiap yang membaca sebagai benteng kekuatan untuk terus mempertahankan kemakmuran Malaysia dengan semangat perpaduan dan muhibah yang dibina sejak dulu lagi. Malah kewajaran itu bertambah apabila melihat kekucar-kaciran yang berlaku dalam negara akibat ketidakstabilan niat dalam melaksanakan sesuatu kerja.

Jadi, ingatlah bahawa kepayahan nenek moyang kita mewujudkan keharmonian dalam Negara ini telah lama dibina dan sudah pasti mereka sentiasa berharap agar keharmonian itu akan berkekalan. Janganlah menjadi bangsa yang bongkak tetapi jadilah bangsa yang berakhlak kerana sejarah tidak pernah membunuh bangsa tetapi bangsalah yang membunuh pencipta sejarah.

## PEREMPUAN-PEREMPUAN INTERLOK

*Subashini Navaratnam*

*INTERLOK* karangan Abdullah Hussain dibuka dengan pemerhatian istimewa terhadap kaum hawa. Ia adalah cara yang asing untuk memulakan sebuah cerita, tetapi jika diperhatikan semula, ia boleh saja menjadi satu percubaan untuk mengangkat watak perempuan atau wanita di dalam novel kepada posisi yang lebih tinggi daripada sekadar watak sampingan. Lembar pertama menemukan kita dengan Mak Limah yang ketika itu sedang memerhatikan tubuh anak lelakinya, Seman, yang melakukan kerja berat, tubuh remaja yang begitu berbeza dengan tubuh suaminya yang menua;

*“Belum pernah dia menaruh perhatian sedemikian rupa kepada bentuk tubuh anaknya seperti yang dilakukan olehnya pada petang ini. Seolah-olah itulah pertama kali dia melihat susuk tubuh anaknya itu. Seolah-olah itulah pertama kali dia sedar bahawa anaknya itu sudah besar, dan bukan budak-budak lagi. Otot-otot yang timbul tenggelam pada kedua-dua belah bahu anaknya itu mengingatkan dia kepada suaminya pada waktu muda-muda dahulu. Suaminya jarang memakai baju waktu dia bekerja. Sepanjang masa tubuhnya yang berkulit sawo matang itu didedahkan kepada cahaya matahari. Perangai yang serupa itu sekarang diikuti pula oleh anaknya yang tunggal. Kulit anaknya itu lebih cerah daripada kulit suaminya, barangkali anaknya itu mengikut kulitnya.”*

Kita kemudiannya dimaklumkan bahawa suaminya itu sakit kuat dan gering di atas tidur, kelihatan seperti dijangkiti *tuberculosis*. Ada semacam ketegangan pada pujian Mak Limah terhadap tubuh anak lelakinya itu yang sedikit berbaur seksual; pernyataan yang boleh saja membuatkan perhatian sesetengah pembaca terpasang jelas, terutama ketika Seman itu menanyakan apa yang sedang diperhatikannya itu dan dia menjawab dengan usikan, “Hai, tak bolehkan aku pandang anak aku, Seman?” Lebih penting, pemerhatian pasif seperti ini pada lembar-lembar awal sebuah novel membangunkan satu cadangan tentang tema buku berkenaan, yang turut menyentuh tentang tubuh fizikal jantina yang berbeza sebagai satu keinginan, produktiviti, pekerjaan dan potensi kekecewaan ketika *Interlok* memasuki hidup individu dan watak yang pelbagai serta menyentuh isu kekeluargaan dalam era kolonial Malaya.

Tubuh pertama yang kita depan ialah milik Seman, diprojekkan sebagai sasa dan muda remaja kesihatannya dan jauh dengan tubuh ayahnya yang sakit. Novel berkenaan mencadangkan Seman sebagai pewaris dengan usia yang lebih matang serta orang yang bakal menggalas tanggungjawab dalam keluarga. Situasi ini dilengkapkan ketika ayahnya mewariskan sekali pelbagai masalah fizikal dan emosi melalui amanat yang tak habis disampaikan kepada Seman, sampai dia menghembus nafas terakhir. Ia merujuk sama kepada kekuasaan azali kaum adam, diturunkan dari seorang bapa kepada anaknya seperti yang tercermin pada kata-kata bapanya; *“Dia orang betina, tak perlu tahu semua kerja orang jantan. Tapi, kau anak jantan. Kau pengganti aku, kau mesti tahu dan sudah sampai masanya aku memberitahu kau hal ini.”*

Peranan Mak Limah adalah sebagai ibu yang lahirkan dan membesarkan – seorang yang membiarkan kerja-kerja memikir dan membuat keputusan pertama kepada suaminya, kemudian kepada pewarisnya. Selepas kematian suami, ketika anaknya bertanyakan bahawa adakah rumah dan harta mereka itu bukan milik mereka, Mak Limah mengutarakan pandangannya; dia tahu bahawa itu harta mereka kerana suaminya pernah berkata demikian. Dengan ini, gambaran peran seorang isteri di dalam keluarga dibayangi oleh maklumat daripada arwah suaminya, yang tanpa diketahui si isteri, telah menyampaikan maklumat itu secara terpilih.

Melalui *Interlok*, Abdullah Hussain memaparkan lingkaran politik kaum dengan bahasa yang dipinjam terus daripada pengalaman kolonial. Orang Cina digambarkan dengan imej ‘mata sepet’, orang India dengan pengenalan ‘kulit gelap’ manakala orang Melayu dengan gambaran watak-watak yang juga pelbagai dan negatif, manakala perempuan-perempuan dicerminkan sebagai isteri-isteri yang baik.

Gambaran yang dilontarkan melalui ruang teks yang terhad, yang terpancar daripada kerangka tidak imajinatif seperti yang ditunjukkan melalui tiga pecahan kaum di Malaysia itu, terpampang dengan isu-isu setiapnya yang berdiri secara dimensi-tunggal sahaja. Berbeza dengan permasalahan sebenar yang lebih rencam dan berselirat.

Apa yang menarik tentang *Interlok* ialah bagaimana setiap kaum itu menemukan persamaan mereka melalui corong pengamatan misalnya ke atas satu susuk badan fizikal lelaki berkongsi ciri sama, serta bentuk tubuh perempuan dengan keterbatasan ruang. Walaupun perbezaan antara kaum itu kerap diceritakan, tetapi apabila menyentuh watak perempuan, ia seolah-olah satu watak yang universal dan kehadiran mereka di dalam novel berkenaan adalah tanpa tekanan berasaskan kaum. Perempuan yang diceritakan adalah; 1. Cantik, 2. Seorang isteri dan 3. Rela menurut perintah (suami). Dan, seperti yang dinyatakan kemudiannya tentang huraian novel ini tentang perempuan, kulit mereka adalah ‘cerah atau mulus’ jika seseorang perempuan itu dikira cantik. Huraian itu mungkin benar sepenuhnya jika penjelasan watak perempuan India, Malini, juga begitu. Tetapi, Malini digambarkan sebagai seorang perempuan berkulit gelap yang mampu menarik perhatian pengkagumnya, dan bahasa yang digunakan juga seboleh-bolehnya mengelak untuk menghuraikan dia sebagai cantik atau menggoda.

Kebanyakan bahagian dalam novel ini bercerita tentang 'lelaki-lelaki dengan urusan mereka'. Misalnya pada babak Kim Lock dan anaknya Cing Huat yang berkapal dari China untuk ke Malaya untuk memperbaiki hidup. Ibunya bagaimanapun ditinggal di tempat asal. Keputusan yang dibuat Kim Hock disambut oleh isterinya; *"Jika ini keputusan kau, aku tak ada apa untuk dicakapkan. Aku isteri kau. Aku akan turuti ke mana saja kau pergi."* Tugas untuk keluar bekerja di khalayak umum dan mencari nafkah adalah tugas lelaki, menurut novel ini. Dan, hampir separuh pertama buku ini, watak perempuannya muncul di dalam naratif ketika watak lelakinya kepingin untuk berkahwin.

Seperti dijangkakan, ketika Kim Lock dan Cing Huat semakin serasi dengan kehidupan di tanah asing, Kim Lock mula merindui kehadiran tubuh perempuan. Keinginan dan nafsu terhadap kedua-dua wang dan seks dipaparkan dalam cara ringkas; *"Dua punya wang dan keinginan terhadap tubuh perempuan menjadi bertambah mendesak saban hari."* Tanpa perkahwinan, yang menambat kehidupan Kim Lock kepada hubungan seksual sah dengan isterinya, keinginannya terhadap tubuh perempuan adalah sesuatu yang terpisah daripada kekalutan atau kekeliruan situasi yang dialaminya. Walaupun masih berkahwin, keinginannya kepada perempuan tetap tak tertahan. Dalam rangkap-rangkap lain, Kim Lock disebut antara lain 'menelan air liur' ketika memandang perempuan berjalan melenggang.

Jadi tak mengejutkan jika selepas itu kita dipertemukan dengan Mei Hwa, seorang perempuan menjalinkan hubungan sulit. Mei Hwa juga dihakimi hanya melalui penampilannya; kurus, berdada leper dan berambut nipis tetapi dengan hidung mancung dan mata lembut. Kim Lock juga membandingkan Mei Hwa dengan seorang lagi perempuan bernama Cee Yong, kekasih gelap kepada temannya yang 'berusia 18 tahun, tinggi dengan tubuh menarik dan berkulit mulus.' Perempuan-perempuan muda ini 'diperdagangkan' di dalam novel ini tanpa rasa bersalah terhadap watak-watak lelakinya yang cukup tua untuk menjadi ayah mereka. Mei Hwa misalnya turut menjadi perempuan simpanan teman Kim Lock, Kim Sui yang 'memberi' pula perempuan itu kepada Kim Lock setelah menemui perempuan yang lebih menggiurkan – Cee Yong.

Mei Hwa menjadi perempuan murahan dengan ciri yang bertentangan dengan watak-watak perempuan lain dalam novel ini; dia kurang menuruti cakap dan tidak patuh berbanding watak-watak isteri yang baik lainnya. Juga, dia yang merupakan seorang penagih dadah menghumban sama Kim Lock ke dalam lurah kemusnahan. Seperti gambaran lazim, kejatuhan seseorang lelaki sedikit-sebanyak dikaitkan dengan seorang perempuan. Mei Hwa juga selepas itu mati membunuh diri.

Turut menarik perhatian ialah watak Malini, yang digambarkan sebagai wanita ideal, walaupun dikhabarkan Maniam tertarik kepadanya hanya kerana matanya yang cantik. Tetapi, sama terperangkap dengan watak perempuan stereotaip lain, Malini hanya berkeupayaan untuk bertindak melawan dan bijak ketika suasana kacau, ketika Maniam tidak sengaja ditembak oleh pengurus ladang kolonial. Malini saja watak yang cukup marah dalam rasional dan melawan. *"Dia tak lagi takut kepada orang putih."*

Ketika Malini tidak lagi gentar menyuarakan apa yang diyakininya, lelaki-lelaki disekitarnya masih takut dan khuatir di hadapan tuan putih mereka.

Projeksi watak Malini juga kemudiannya menjunam dan rebah. Malini, selepas kehilangan Maniam, menjadi mangsa rogol di ladang tempat latar ceritanya. Dia kemudian memilih untuk membunuh diri juga kerana sudah tiada kekuatan untuk mendepani hidup dengan dikahwinkan dengan perogolnya sendiri, Suppiah. (Atau pun bahagian ini boleh dibaca sebagai ketidak mampuan Malini untuk menahan diri daripada nafsu dan sentuhan seorang lelaki). Itupun dalam tempoh tiga tahun melawan perasaan selepas Maniam tiada, dan kemudian dirogol (arau menyerah untuk dirogol, – walaupun itu tindakan salah), Malini, watak wanita kental itu, akhirnya tersungkur.

Apa yang dicadangkan oleh bahagian ini? Bahawa Malini sememangnya menginginkan sentuhan lelaki setelah tiga tahun tidak ditiduri? Apa yang mahu dimaksudkan rangkap itu? Adakah bayangan seks dan kuasa, atau faham yang menyatakan bahawa perempuan yang dirogol biasanya ‘secara diam-diam menginginkannya’? Ia rangkap-rangkap yang penting, menggambarkan betapa novel ini digarap dari satu dimensi tunggal sahaja, statik dan kurang imajinasi.

*Interlok* ialah sebuah novel yang dunianya kelam. Saat kebahagiaan tidak terselit untuk ditemukan. Peranan yang disandarkan pada gender menjadi kusut-masai dan bermasalah. Satu soalan yang sukar dijawab, tetapi tetap perlu didepani hasil daripada cerminan dan imej yang lahir dari tempoh kolonial adalah ini; bagaimana untuk meminggirkan legasi kolonial di Malaysia dalam maksud perlambangan imej rakyat di sini, sedangkan garis sosial dan politik kita masih menggunakan tanda aras sempadan dari era itu?

Ini sedikit-sebanyak disentuh oleh *Interlok*, dari sisi positif dan negatif. Potret dari *Interlok* perlu dilihat dan dimenungkan semula; tiada kesamarataan gender, hubungan antara kaum untuk menemukan bayangan baru bagaimana kita ingin melihat situasi sosial waktu ini dari corong sejarah, untuk kebaikan semua yang lebih bermakna.

Beberapa soalan yang muncul dan memerlukan perhatian; sejak novel itu diterbitkan pada 1971, sejauh mana keadaannya berubah hari ini, terutama bagi isu gender? Adakan wanita-wanita Malaysia dilihat dari kubik ‘isteri-isteri baik vs. perempuan-perempuan murah’? Bagaimana untuk mengatasi isu-isu kaum untuk melihat permasalahan gender? Dengan soalan-soalan seperti ini yang tercermin dari *Interlok*, bagaimana kita patut mengajarkan teks ini kepada generasi baru Malaysia?

## **INTERLOK DAN KRITIK SOSIAL**

*S.M. Zakir*

*INTERLOK* novel karya Abdullah Hussain yang memenangi Hadiah Saguhati Peraduan Menulis Novel Sepuluh Tahun Merdeka. Novel ini pertama kali diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1971. Pada tahun 2011 novel ini menjadi teks Komsas tingkatan lima untuk zon tengah. Novel ini sengaja ditimbulkan kontroversi oleh pihak tertentu pada hujung disember 2011 kerana dikatakan mempunyai perkataan 'paria' yang menyinggung perasaan kaum India. Perkataan 'paria' ini terdapat dalam bab Keluarga Maniam, ketika memperihalkan sejarah asal usul dan kedatangan Maniam ke Tanah Melayu.

*Interlok* adalah sebuah novel sosial. Pengertian novel sosial merujuk novel yang mengangkat perjuangan golongan bawahan ataupun golongan tertindas sama ada menentang golongan yang mempergunakan mereka mahupun perjuangan untuk meningkatkan taraf kehidupan dan status kelas mereka. Pengertian novel sosial mempunyai perbezaan yang nipis dengan novel masyarakat. Pengertian novel masyarakat lebih kepada bentuk novel yang mengangkat kisah masyarakat secara keseluruhan. Sementara novel sosial lebih merujuk secara khusus kepada idealogi perjuangan kelas. Novel sosial lebih merupakan fiksyen realisme yang mengangkat kisah-kisah golongan bawahan secara langsung daripada peristiwa-peristiwa kecil kehidupan payah mereka dengan tujuan mendatangkan kesan perjuangan kelas terhadap pembaca.

Di Barat pengertian novel sosial muncul pada abad ke-18, sebagai reaksi terhadap isu sosial, politik dan ekonomi pada era revolusi perindustrian di Eropah. Pada tahun 1830-an, novel sosial muncul sebagai alat memprotes ketidakadilan yang menimpa golongan pekerja oleh dasar dan sistem kerajaan, pihak pemilik industri dan golongan berkepentingan dalam era baru perindustrian. Protes dan kritikan daripada kisah keperitan dan penindasan terhadap golongan pekerja ini ditujukan kepada khalayak daripada golongan menengah untuk menarik simpati dan seterusnya bertindak untuk mengubah sistem perundangan, etika dan moral yang menindas golongan pekerja bawahan. Golongan menengah selalunya merupakan golongan yang berpengaruh dalam mendesak perubahan. Sokongan dan simpati daripada golongan menengah akan membantu perjuangan golongan bawahan ini. Bahkan perjuangan mengangkat keadilan untuk golongan bawahan ini banyak digerakkan oleh tokoh-tokoh daripada golongan menengah pada hakikatnya.

Novel sosial yang muncul di Eropah pada dekad ini memberi fokus kepada golongan pekerja yang miskin baik di desa mahupun di kota yang merupakan sisi gelap masyarakat pada era perindustrian. Novel sosial mengarah matlamat tematikanya kepada pembaikan pendidikan, hak politik, nasib golongan wanita dan buruh kanak-kanak, keadaan di kilang dan lombong, jenayah akibat suasana masyarakat yang sesak dan keadaan persekitaran yang buruk, serta segala macam akibat yang berlaku dalam usaha negara dan golongan elit mengejar matlamat kemajuan dan kekayaan. Dalam konteks moral pula, pengarang novel sosial mengangkat nilai moral daripada norma-norma kehidupan pinggiran golongan bawahan yang pada hakikatnya jauh berbeza daripada norma masyarakat atasan. Perbezaan yang memperlihatkan kebobrokan nilai moral yang melanda golongan bawahan selalunya diperbandingkan dengan kehidupan mewah golongan atasan dengan tujuan memperlihatkan kealpaan dan kesalahan yang dilakukan oleh golongan atasan hingga mengakibatkan kehidupan yang buruk kepada golongan bawahan.

Dalam banyak keadaan hal ini selalunya diperlihatkan secara tidak langsung melalui perlam-bangan dan sebagainya. Bahkan novel sosial selalunya juga menumpukan kepada kehidupan daif golongan bawahan tanpa mempersalahkan mana-mana pihak secara langsung. Ia lebih menekankan kritikan kepada sistem sosial yang muncul oleh keadaan-keadaan yang mewakili era tertentu. Dari sini, tematikanya merungkai permasalahan sosial sebagai akibat sejarah dan mendesak cita-cita perjuangan untuk mengubah kehidupan dalam diri golongan bawahan dan menengah. Maka secara keseluruhannya novel sosial menekankan kepada cita-cita sosial, khusus kepada golongan bawahan untuk mencapai matlamat kehidupan yang lebih sempurna. Perbezaan penting antara novel sosial dan novel masyarakat ialah ideologi sosial. Novel sosial bergerak di atas ideologi sosial, dan kadangkala membawa propaganda tertentu terhadap matlamat dan cita-cita yang dikandung olehnya secara tematik. Sementara novel masyarakat tidak memperlihatkan kecenderungan memaparkan ideologi yang khusus, sebaliknya hanya memaparkan peristiwa dalam kehidupan masyarakat yang meletakkan pengarang sebagai cermin yang membi-askan imej serta gambaran.

*Interlok* menghimpunkan watak-watak daripada golongan bawahan, khususnya golongan pekerja yang berada di Tanah Melayu pada awal abad ke-20 di bawah pentadbiran British. Secara lebih jelas masyarakat pekerja bawahan yang berada dalam lingkaran dunia perindustri-an moden, sepertimana yang terdapat dalam novel sosial Barat yang mengetengahkan golongan bawahan dan pekerja dalam era kebangkitan revolusi perindustrian di Eropah. Golongan bawahan dan pekerja yang digambarkan dalam *Interlok* berada dalam sistem dan lingkaran dunia perindustrian, yakni golongan buruh yang ditarik dan digunakan tenaga mereka untuk pengeluaran ekonomi perindustrian. Semua watak yang terdapat dalam *Interlok* adalah mereka yang berada di dalam sistem sosio-ekonomi-politik dunia perindustrian moden. Dalam buku *Keluarga Seman*, Seman adalah perwakilan daripada watak bangsa peribumi Melayu daripada golongan masyarakat bawahan yang menetap di kampung. Dalam sistem ekonomi-politik British, tanah jajahan merupakan tempat penyediaan bahan mentah untuk memenuhi keperluan perindustrian di England dan Eropah.

Di Tanah Melayu, British memperkenalkan ekonomi moden dalam konteks ruang tenaga buruh dan bahan mentah. Bagi mengekalkan kuasanya ke atas bangsa Melayu sebagai tanah jajahan, British melemahkan keupayaan orang Melayu dari segala segi sehingga melumpuhkan kekuatan orang Melayu baik fizikal mahupun mental. Orang Melayu menderita kehilangan kuasa politik melalui sistem politik residen British dan kemudian pentadbiran berpusat British iaitu Malaya British Administration (MBA), yang memecah belahkan kuasa politik Sultan-sultan Melayu melalui zaman pengasingan dan pembonekaan yang disebut sebagai *political disenfranchisement*. Sementara ekonomi orang Melayu dilumpuhkan melalui pemingiran ekonomi (*economic marginalisation*) dan pengasingan orang Melayu daripada modeniti dari segi sosial. Orang Melayu ditutup peluang atau dipinggirkan dalam mobiliti sosial untuk mengekalkan mereka sebagai petani dan nelayan yang menyediakan logistik seperti bekalan makanan domestik kepada British (Collin Abraham, 2008).

Seman mewakili watak orang Melayu yang dilumpuhkan segala-galanya oleh British. Seman watak manusia desa yang tidak berpendidikan, kerana peluang pendidikan sangat terbatas disediakan oleh British. Tambahan ia diburukkan lagi oleh sikap Pak Musa yang menyembunyikan Seman daripada dihantar ke sekolah Melayu. Sikap Pak Musa mewakili sikap orang Melayu yang telah dilumpuhkan jiwa dan fikiran mereka oleh sistem pengasingan (*isolation*) dan peminggiran (*marginalisation*) British. Seman muncul sebagai hasil daripada sistem penjajahan British yang berlangsung lebih dari lima dekad. Seman adalah seorang anak muda Melayu yang tidak berpendidikan, terasing daripada modeniti, dan terpinggir daripada mobiliti sosial – kekal sebagai sumber pengeluaran bagi keperluan logistik (petani, pekebun dan nelayan) untuk British secara domestik di Tanah Melayu.

Dalam buku Keluarga Chin Huat pula, Chin Huat muncul sebagai wakil watak golongan pekerja yang ditarik datang ke Tanah Melayu oleh peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh sektor ekonomi perindustrian British, yang berkaitan dengan pengeluaran dan perkhidmatan. Kehidupan miskin keluarga Chin Huat tanah asal yakni sebuah desa kecil di Tanah Besar China menjadi faktor penolak Kim Lock (bapa Chin Huat) bersama anaknya untuk keluar dari China dan mencuba nasib di Tanah Melayu. Ekonomi sumber perindustrian yang diperkenalkan British di Tanah Melayu menjadi faktor penarik untuk kaum pendatang datang ke Tanah Melayu. Di Tanah Melayu, lombong-lombong bijih timah dibuka, perdagangan eksport-import digiatkan, dan sektor perkhidmatan membuka peluang besar kepada tenaga-tenaga buruh mahir dan kurang mahir. Sistem kongsi bagi tenaga buruh dari China yang diperkenalkan oleh British sangat buruk. Ia membawa orang Cina sebagai buruh dalam keadaan miskin dan kesi-hatan yang buruk. Dalam persaingan yang sengit penawaran tenaga buruh, orang Cina terpe-rangkap untuk menawarkan tenaga buruh yang termurah sama ada dalam sektor perlombon-gan milik British mahupun sektor perkhidmatan lain. Ia menawarkan apa yang disebut sebagai '*survival of the cheapest*'.

Begitu juga yang berlaku kepada kaum India yang datang ke Tanah Melayu oleh faktor penolak dan penarik yang sama. Dalam buku *Keluarga Maniam*, digambarkan Maniam dalam bulan Julai 1910 telah belayar bersama mereka yang lain dalam sebuah kapal penumpang yang bertolak meninggalkan Pelabuhan Nagapatam ke Pulau Pinang. Mereka ini semua adalah tenaga buruh yang berangkat melalui *kangani* – iaitu wakil yang mencari buruh untuk kebun-kebun dan ladang-ladang getah di Tanah Melayu. Dalam kapal tersebut digambarkan terdapat 120 orang penumpang yang datang dari pelbagai daerah di India, iaitu Pondicherry, Pulikat, Madras, Malabar, Kerala dan Hyderabad. Mereka semua bercakap dalam bahasa Tamil, walau ada yang bercakap dalam bahasa Malayali dan Telugu iaitu bahasa dalam rumpun bahasa Tamil yakni rumpun bangsa Dravida. Dalam pada itu digambarkan bahawa semua yang berada dalam kapal bersama Maniam pada ketika itu tergolong dalam kasta yang sama yakni kasta paria. Kasta paria merupakan golongan di luar kasta (*outcast*) di India yang tersisih akibat sistem kasta yang diamalkan di India. Secara sosiologi, mereka mewakili golongan bawahan yang tertindas di negara mereka sendiri, dan ini adalah salah satu faktor penolak yang penting dalam konteks kedatangan golongan pekerja dari India ke Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

Namun begitu tidak semua kaum India yang datang ke Tanah Melayu daripada kasta Paria, dan ini digambarkan dalam *Interlok*, terdapat pekedai berkasta tinggi di Pulau Pinang bilamana Maniam datang membeli dan melihat tiada amalan penyisihan berdasarkan kasta berlaku di Tanah Melayu ini. Maniam adalah watak yang diangkat sebagai perwakilan golongan pekerja bawahan yang tertindas oleh sistem ekonomi-politik British di Tanah Melayu ketika itu. Watak Maniam dari golongan bawahan ini diangkat sebagai subjek sosiologikal dan diberikan fokus utama dalam menggambarkan perjuangan dan mobiliti sosial yang berlaku terhadap kaum India dalam sistem ekonomi-politik British pada awal abad ke-20. Maniam bukanlah kenyataan daripada keseluruhan kaum India yang datang ke Tanah Melayu pada ketika itu, tetapi hanyalah watak tipa dalam sebuah novel sosial yang mengangkat sebuah idealogi sosial perjuangan golongan bawahan. Orang India yang dibawa masuk untuk bekerja sebagai buruh dalam sektor ekonomi British juga dibawa dalam kemiskinan dan kesihatan yang buruk. Malah mereka hidup dalam sistem *kangani* yang menyaksikan mereka diperas oleh elit pekerja daripada golongan mereka sendiri. Dalam sistem *kangani* yang diperkenalkan oleh British ini orang India yang datang sebagai buruh, hidup dalam apa yang disebut sebagai '*internal colonisation*', yakni mengalami penjajahan dalaman dan akhirnya hidup tanpa harapan untuk melebihi apa yang ada pada mereka.

British dalam melaksanakan dasar pecah dan perintah menemui peluang besar dalam memastikan kekuasaan mereka terus dikekalkan melalui suasana sosial yang hadir pada awal abad ke-20 ini. Kewujudan dua kaum pendatang yang besar populasinya di Tanah Melayu dilihat dapat dieksploitkan bagi mengimbangi kedudukan orang Melayu sebagai masyarakat peribumi yang berpotensi mencabar kekuasaan British. British mengambil peluang daripada suasana sosial masa ini untuk menanamkan perasaan curiga antara etnik dan mewujudkan apa yang disebut sebagai antagonisme etnik. Dari sini British membentuk stereotaip etnik iaitu etnik dengan bidang masing-masing, sekaligus menjarakkan satu etnik dengan etnik yang lain bagi

mengembangkan perasaan curiga dan prasangka yang tidak berkesudahan antara etnik. Stereotaip etnik ini menjadi cara membentuk prinsip pemerintahan dan kawalan kuasa. Ia juga menjadi asas kepada pengabasahan penguasaan kolonial dalam mewujudkan polarisasi kaum. Kolonial British dalam polisi '*divide and rule*'nya menyerapkan prinsip '*consciousness of kind*' iaitu dalam memastikan *survival*, setiap orang berjuang berdasarkan ruang kepentingan kaum masing-masing. Ertinya dalam lingkungan kaum yang sempit.

British akhirnya mengecapi kemewahan daripada penindasan melalui kotak-kotak kaum ini atau dikatakan sebagai '*icing on the racial polarisation cake*'. British meninggalkan masyarakat yang dipolarisasi ini tiada pilihan lain selain daripada bergantung kepada golongan elit kaum masing-masing. Golongan elit ini pula dalam berjuang untuk memenuhi keperluan kaum masing-masing, mengambil kesempatan mengaut kekayaan dan kepentingan untuk diri mereka. Melihat dalam konteks agenda ekonomi-politik British, isu perkauman dan polarisasi kaum ini adalah natijah daripada '*capitalist mode of production*', yang mengaburkan perbezaan kelas dengan perbezaan dan permusuhan kaum. Ini dapat menyelamatkan kelas atasan daripada penyatuan kelas bawahan untuk menentang mereka, secara langsung melumpuhkan rakyat – melalui isu dan sentimen perkauman. Bahkan pengagihan faedah kepada rakyat juga ditentukan mengikut keperluan kaum berdasarkan kepentingan kesinambungan kuasa politik British. Polarisasi kaum ini ialah hasil dari proses '*compartmentalisation*' yang dikemukakan oleh British, dan memberikan persepsi bahawa setiap etnik bermusuhan antara satu sama lain (Collin Abaram, 2008).

*Interlok* membawa persoalan ini melalui garapan perjuangan golongan bawahan yang berada dalam 'kawah gula' ekonomi perindustrian British, secara cukup berseni melalui penyatuan tiga etnik yang akhirnya membina negara Malaya yang merdeka (kemudiannya menjadi Malaysia). Penyatuan tiga etnik secara ideal dalam *Interlok* ini memperlihatkan lambang penentangan terhadap dasar antagonisme etnik yang diwujudkan oleh British. Sekaligus mewujudkannya sebagai novel sosial yang bukan sahaja membawa ideologi penyatuan etnik yang kuat, tetapi juga ideologi penentangan terhadap kelas atasan yang terdiri daripada penjajah British, pemodal dan konco-konco British yang terdiri daripada para pembelot bangsa.

Adalah sesuatu yang malang apabila novel sosial yang mengangkat tema perjuangan kelas bawahan ini ditutup dengan isu perkauman yang sempit dan dangkal demi kepentingan politik perkauman. Perkataan 'paria' tidak mungkin dibuang kerana ia menjelaskan secara historikal suatu pergerakan atau mobiliti sosial daripada golongan bawahan yang paling hina kepada golongan yang berjaya dan dihormati. Tanpa memperkenalkan Maniam sebagai seorang daripada kasta 'paria', suatu bentuk pemaparan mobiliti sosial tersebut tidak dapat dilakukan dengan munasabah dan berkesan. *Interlok* adalah sebuah novel sosial yang tidak ada kena mengena dengan sebarang bentuk perlakuan untuk menghina mana-mana etnik, sebaliknya memaparkan seideal mungkin sifat menghormati antara satu sama lain yang menuju kepada ideal penyatuan antara etnik, khususnya dari kalangan masyarakat bawahan.

Sebarang tuduhan yang mengatakan bahawa *Interlok* sebagai novel perkauman adalah tindakan untuk menutup isu kegagalan politik dengan memainkan sentimen perkauman yang tidak bermanfaat. Pada masa yang sama ia menjulang kembali doktrin pemisahan kaum kolonial British dalam membentuk sikap kepentingan kaum atau antagonisme etnik yang telah merosakkan hubungan masyarakat demi kepentingan ekonomi-politik golongan elit politik, pemodal dan aristokrat. Kini doktrin ini digunakan pula oleh pihak yang berkepentingan untuk mencari populariti dalam masyarakat atas tujuan-tujuan yang lebih khusus. Tindakan menyuburkan sikap perkauman ini membawa masyarakat mundur ke belakang. Selain itu ia sebenarnya boleh dikatakan sebagai perjuangan sentimen yang tidak melihat kepada isu sebenar yang membelenggu masyarakat seperti isu kemiskinan, pendidikan, kesihatan, peluang pekerjaan dan sebagainya. Perjuangan sentimen yang bermain dengan isu-isu kecil yang sebenarnya adalah hanya ruang sama ada mencari publisiti atau populariti yang tidak berguna, ataupun cuma helah untuk menutup kegagalan menangani masalah sebenar kemunduran sosial masyarakat.

Kembali kepada novel sosial, sebuah novel sosial yang menghadapi permasalahan yang hampir sama dengan *Interlok* dapat memberikan gambaran yang jelas tentang hak sebuah novel sosial untuk mengekalkan kritikan sosial berdasarkan suasana sezamannya. *The adventure of Huckleberry Finn* karya Mark Twain turut mengalami keadaan yang sama apabila penggunaan perkataan nigger dikatakan menyentuh sensitiviti masyarakat kulit hitam iaitu negro. Edisi baru yang diubahsuai perlu memadamkan 219 ungkapan 'nigger'. Bagaimanapun pengubahsuaian tersebut tidak disenangi oleh golongan seniman dan ahli sastera kerana sebarang bentuk penapisan adalah pelanggaran terhadap hak kebebasan penulis untuk memberikan nilai sosial semasa yang mewakili sejarah Amerika Syarikat yang membabitkan perhambaan.

Apatah karya Mark Twain ini memberikan kritikan keras terhadap amalan perhambaan dan bukannya menghina golongan hamba pada waktu itu. Bahkan watak Jim (nigger tersebut) diberikan karakter seorang yang mulia dalam membimbing Huck dalam membina nilai moral. *The adventure of Huckleberry Finn* adalah sebuah novel sosial sebagaimana *Interlok* yang telah dimanipulasi oleh pihak tertentu atas sebab kejahilan ataupun atas kepentingan tertentu. Sehingga kehebatan dan kejujuran isinya yang memperjuangkan penindasan, ketidakadilan dan idea penyatuan sosial diterbalikkan untuk menjadi buruk dan hitam.

## KISAH-KISAH YANG TAK DIINGATI

*Umapagan Ampikaipakan*

PANDANGAN ANTHONY Burgess tentang Malaya adalah stereotaip. Dia lebih tajam daripada Somerset Maugham tetapi kurang orientalis berbanding Henri Fouconnier. Dia kerap dirasakan lebih asli berbanding dua nama itu. Dia menulis: “Tetapi”, kata Crabbe “selain daripada Komunis, saya tidak fikir kita boleh meragukan bahawa pecahan kaum-kaum di Malaya tak pernah berusaha keras untuk memahami sesama sendiri.” Kepercayaan takhyul yang aneh dan rasa prejudis, bangga diri serta ultra-konservatisme – semua ini tak pernah terarah kepada persefahaman yang lebih baik. Tambahan pula, idea tentang sebuah komuniti – komuniti tunggal, yang ditentang oleh pelbagai komuniti – tidak pernah menjadi begitu penting ketika tempoh pemerintahan British. Dia menyambung: “Setiap kaum cenderung untuk terus menghidupi cebisan budaya yang di bawa masuk dari negara asal mereka. Tidak pernah terbit rasa keperluan untuk bercampur. Tetapi kini masanya tiba. Mungkin tidak perlu dicampur, tetapi perlu diadun semua.” “Keliru,” kata Vythilingam, mengangguk setuju.

Percubaan Abdullah Hussein juga sama di dalam *Interlok*. Dia cuba untuk bercerita tentang sebuah negara baru yang ingin bangkit melalui wajah rakyat serta perjuangan individual setiap mereka. Ini yang menjadikan Malaysia menakjubkan, sekaligus mencetus inspirasi. Rakyatnya, rencam warna dan majmuk, berbeza dan terdesak, adalah seperti ramuan terbaik bagi drama panjang yang ingin disampaikan.

Ia buku berkenaan ayah dan anaknya. Tentang kekecewaan sebuah keluarga. Tentang menemui teman baru di tempat yang tak disangka-sangka. Ia cerita tiga keluarga – Melayu, Cina dan India – dan bagaimana mereka bersama selepas itu.

Struktur buku berkenaan ringkas. Diceritakan di dalam empat bahagian dan setiap daripadanya daripada tanggapan dan sudut berbeza. Tiga bahagian pertama diceritakan dalam sudut pandangan tiga keluarga berbeza. Dan yang terakhir, *Interlok*, adalah di mana semua mereka bertembung.

Bahagian pertama tertumpu kepada Seman, anak muda dengan beban perasaan ketika menanggung hutang bapanya dan kehilangan segalanya. Bahagian kedua tentang Cing Huat dan bapanya, perjalanan dengan bot dari China, dan kepayahan untuk mencari nafkah dan membina kehidupan baru. Bahagian tiga, kisah tentang Maniam dan keluarganya. Kita menyaksikan kegagalannya – sebagai bapa, sebagai suami dan sebagai menantu. Kemudiannya, kita tahu bagaimana dia berjaya dan menawan semula kisah silam sendiri.

Abdullah Hussein menjelaskan kepada kita melalui perlambangan paling asas. Ia sebetulnya kisah Ali, Ah Chong dan Muthu. Tiga jiwa yang dipetik daripada putik imajinasi kita. Ia cerita daripada kanak-kanak sekolah seluruh negara. Stereotaip mungkin. Terlalu dipermudah, tentunya. Tetapi ia tetap tentang ‘kita’.

Tidak seperti Burgess, Abdullah Hussein menawarkan meditasi lebih serius tentang perkara itu. *Interlok* kekurangan humor dan latar penting berbanding *The Malayan Trilogy*, tetapi menampung kekurangan itu melalui sikap optimisme terhadap masa depan.

Buku ini memuatkan pelbagai ulasan tentang sosial. Ia tidak mungkin menjadi sebuah buku sejarah tetapi masih mewakili kisah-kisah dari satu rentang waktu lembar sejarah. Ia adalah cara kita melihat sendiri beberapa dekad lalu. Memang ia akan menyengat pada waktu-waktu tertentu, tetapi itulah yang sebetulnya sebuah kerja fiksi yang baik perlu lakukan. Sebagai cerminan, yang menggerunkan mungkin, untuk kita melihat diri sendiri.

Buku ini memberi keutamaan kepada kelas, bukan kasta. Abdullah Hussein melondehkan masa lampau untuk menggambarkan Malaysia sebagai sebuah tempat untuk merebut peluang, memandang ia kaya dengan sumber, di mana sesiapa saja boleh berkongsi, di mana sesiapa saja boleh bermula dari awal. Ia idealistik.

Ia tidak semestinya tidak baik ketika beliau menyuarakan iltizam yang sama seperti pemimpin terdahulu negara ini. Beliau bercerita tentang kisah-kisah itu seadanya seperti apa yang pernah berlaku dulu dan mengubahnya untuk mengecapi masa depan yang lebih baik. Manfaat untuk semua. Seperti yang digambarkan pada bahagian ketiga buku itu, disebutkan bahawa ada toleransi, yang dirujuk pada babak seorang pendayung sampan dengan penumpang Hakka, yang kurang senang kerana si pendayung itu turut mengambil penumpang dari kalangan Hokkien. ”Mereka bukan kawan kami, tetapi musuh kami,” seorang daripada mereka berkata. Si pendayung, dengan tenang membalas dengan berhemah tentang bagaimana kita seharusnya hidup bersama dengan harmoni. Pengajaran yang kekal bermakna, sampai ke hari ini.

*“Ya, itu mungkin di Tung Shin, China. Tetapi di sini kita semua sama. Dalam maksud untuk mendapatkan rezeki, tidak ada musuh. Musuh adalah mereka yang menyekat kita daripada mencari nafkah untuk meneruskan hidup.”*

# INDERALOKA

*Hafiz Hamzah*

*“Tiba-tiba kembang hatinya bagaikan buah kembang semangkuk yang dimasukkan ke dalam air.”*

*“Dia orang betina, tak perlu tahu semua kerja orang jantan. Tapi, kau anak jantan. Kau pengganti aku, kau mesti tahu dan sudah sampai masanya aku memberitahu kau hal ini.”*

ORANG-ORANG dulu agaknya lebih liberal daripada apa yang kita berani akui. Kata 'liberal' memang menakutkan. Yang dimaksudkan di sini ialah 'liberal' sebagai kata dasar yang membangun istilah, yang kemudiannya memprojeksi sebuah imej makna, tetapi bukan sebagai sebuah sistem ekonomi atau politik. Ia ada taring yang akan menghisap darah umat manusia, sampai jatuh longlai bertelanjang terlucut jati diri, katanya, begitu kita diminta untuk percaya.

Tetapi tak ramai yang berani mengakui bahawa orang-orang terdahulu, yang menabur benih secara langsung yang menyumbang kepada keberadaan Malaysia hari ini, dari awal lagi sudah meranduk cara dan nilai-nilai selingkar semangat kata berkenaan. Walaupun waktu itu, mungkin, kata 'liberal' belum tercampak ke tengah masyarakat di tanah ini. Belum popular. Tetapi kini bunyinya dekat dalam keterasingan. Bunyinya menakutkan.

P. Ramlee adalah orangnya yang menjelma ikon sejagat, yang tak akan dilupakan oleh bangsa ini, bertanggungjawab sebahagiannya, sebagai penggebur idea-idea dan pemaknaan kata ini kepada khalayak penikmat kerja-kerja seninya. Di antara kesopanan, dia meletakkan 'kurang ajar'. Di antara seni Melayu pada jiwa muziknya, dia mengajarkan kita tentang kekuatan dan kekalutan muzik barat. Dan, di dalam kesempitan pandangan dan idea mewujudkan sebuah bangsa dengan nilai-nilai baru, dia menyelitkan jenaka-jenaka bijak yang boleh saja di baca dari pelbagai tingkat. Tetapi kerap idea-idea indah ini tak sampai untuk diperpanjangkan, kecuali kepada sebahagian penafsir yang gemar untuk bergelut ringan-ringan atau terjun ke dalam mencari sisi-sisi aneh sebuah hal kompleks yang di panggil seni.

Konteks yang anjal. Sedikit berselindung, tetapi tidak pura-pura. Jadi, apa yang tak kena dengan kata 'liberal'? Yang menjadi masalah kepada kata ini ialah peristilahan. Istilah yang memegang 'rupa' makna yang mahu dipotretkan, walaupun semua itu belum tentu sahih. Kalau, misalnya, kita terjemahkan kata itu ke dalam istilah Melayu, mungkin sebagai 'keterbukaan' atau 'kesediaan menganalisa nilai-nilai baru', adakah ia masih membawa hantu yang sama untuk ditakuti?

Dengan segala rasa hormat kepada Sasterawan Negara Abdullah Hussain. Saya membaca *Interlok* dengan perasaan yang bercampur-campur. Ada yang menyenangkan dan banyak juga yang merimaskan.

Misalkan, dua petikan ayat awal tadi diberi renungan semula. Dan saya fikir, walaupun saya sengaja mencabutnya daripada konteks asal yang tentunya memaut frasa-frasa itu dari satu latar yang lebih luas daripada sekadar dua ayat ringkas, ia lebih dinamik. Dua ayat ini adalah sebagai pemula dan memberi petunjuk yang sentral di dalam struktur pembangunan novel berkenaan, termasuk bayangan-bayangan maksud keseluruhannya yang ingin dibincangkan.

Seorang pengarang, atau kebanyakan pembaca, perlu mengakui bahawa sesebuah hasil kerja tulisan yang sudah diterbitkan adalah terputus terus daripada tanggungjawab orang yang menuliskannya. Walaupun nama pengarang masih terlekat pada sesebuah tubuh kerja itu, tetapi tanggapan orang - yang dalam istilah berkecamuk Melayu milenium kerap disebut 'persepsi' - tidak dapat dikawal oleh pengarangnya lagi. Dan sini saya berdiri, diantara sebuah teks novel dan pengarangnya, untuk menikmati atau mencurigai sesebuah hasil tulisan. 'Nikmat' dan 'curiga', dua kata daripada pembaca yang menghidupi hayat sesebuah tulisan, kerana dengan adanya dua perkara ini, ia memberi isyarat, sesebuah kerja penulisan itu pernah atau sedang diberi perhatian dan dihargai, bukan dengan hanya puji-pujian, tetapi hadir sekali kritikan yang menyakitkan.

*"Tiba-tiba kembang hatinya bagaikan buah kembang semangkuk yang dimasukkan ke dalam air."* Pertama kali saya membaca baris ini, yang ketika itu masih di dalam rangkaian ayat dengan latar asal daripada pengarangnya, saya tidak merasa apa-apa. Saya bahkan merasa jemu dengan lenggok bahasa yang stagnan. Penjelasan yang panjang lebar dan berlarutan. Tetapi, selepas saya mencabutnya dari teks asal, meletakkannya secara bersendirian dan bebas membayangkannya semula, saya bertemu dengan suntik lain yang lebih menyeronokkan bacaan. Tentunya, saya tidak memerlukan pengesahan daripada pengarangnya ataupun sesiapa saja untuk berbuat demikian. Ini pengalaman peribadi saya berdepan teks berkenaan.

Entah macam mana, saya menemukan sentuhan sensual dalam baris ayat itu. Pemilihan kata, cubaan memprojeksi perlambangan - yang akhirnya membebaskan imajinasi - ketika membacanya secara bersendirian, terasing dan tanpa perlu setia kepada ruang lingkup di mana ia sepatutnya berdiri seperti dihajatkan pengarangnya. Pada kata 'kembang hatinya', saya membayangkan sebidang dada wanita yang dipermulaan turun-naik rentak yang semakin kencang

digoncang syahwat dari dalam, pada 'buah kembang semangkuk' saya membayangkan proses itu semakin genting - sama ada wanita itu sedang berkencan sendiri-sendiri atau dengan lelaki (atau mungkin perempuan lain) - dengan alun ombak pada payudara yang tak tertahan lagi. Dan, dihujung ayat itu, 'dimasukkan ke dalam air' adalah reaksi terakhir sebuah aksi pergelutan nafsu di puncak, yang mencurahkan air-air hidup yang mungkin membenih cinta-cinta lain. Di dalam baris ini, aksinya ringkas, lekas dan memuncak. Dan, saya tetap merasakan baris ini kuat, walaupun, mungkin, kebanyakan bahagian lain novel berkenaan berjalan perlahan, melelahkan dan kurang menarik.

Cerminan pada baris kedua yang dipetik di sini juga adalah sebuah pernyataan yang saya fikir tak dibuat-buat. Walaupun pengarangnya tidak menyedari atau tidak secara bulat memaksudkannya. Buka baris 'Dia orang betina' mengandungi emosi dan bahasa keras yang padat. Saya suka jenis bahasa yang berani seperti ini. Walaupun, kalau di baca dari tingkat yang berbeza, ini boleh saja mencetus pertentangan dengan semangat *feminisme*. Setengah orang mungkin terguris. Tetapi, bagi saya, ia sesuatu yang perlu. Ini sekali lagi adalah tanggapan yang muncul waktu itu - sama ada ketika novel ini ditulis atau pun disandarkan pada latar tahun-tahun Malaysia yang masih pucuk muda - dan kalau pun ada yang tak menyukainya, tak ada apa yang boleh dibuat. Ini kerana, ia merupakan hal-hal yang berlaku dan bergerak dalam masyarakat dan perlu di depan. Tentunya, waktu ini, panggilan seperti 'betina' itu terlalu kasar dan janggal bunyinya. Tetapi, kekerasan bahasa - seperti di dalam sebuah novel - memberi semacam satu pernyataan yang meresahkan kepada pembaca. Dan saya sedikit lega kerana perkara yang satu ini boleh dinikmati dalam *Interlok*.

Kemudian, baris kedua itu juga menunjukkan kepada kita tentang hal yang dipanggil 'darjat'. Ada tingkat-tingkat berlainan yang boleh dihuni oleh lelaki dan perempuan dalam masyarakat, yang dipercayai waktu itu. Ironinya, watak lelaki yang dirujuk, Seman, juga tak jauh beza kesengalannya berbanding watak perempuan yang digambarkan sebagai ibunya. Dalam kebanyakan waktu, walaupun dengan istilah 'betina' yang berbau negatif itu, watak perempuan berkenaan dipotretkan lebih kuat semangat dan rasional berbanding watak lelakinya.

Ketika meneruskan lagi bacaan novel ini, kita akan bertemu lagi dengan gelar istilah yang sama konkrit. 'Makan babi' misalnya. Pada situasi yang salah, sampai ke hari ini pun, secara automatik disertakan dengan pertimbangan pemahaman kolektif yang ditanam ditengah-tengah masyarakat, istilah ini mengandungi frasa yang bernuansa negatif. Tetapi, ia perlu ada di dalam novel, kalau pun orang akan marah-marah jika ia nanti dirujuk dalam hal-hal di luar kerja fiksi. Begitu juga dengan satu lagi istilah, kata 'paria' yang sering menimbulkan rasa kurang senang ketika disebutkan dalam apa juga keadaan. Sensitiviti, katanya. Dan, memang hal-hal yang katanya sensitif itulah paling memerlukan kematangan untuk dibicarakan, dan kerap orang kecundang di depannya disebabkan kemandulan imajinasi. Tak berupaya untuk membayangkan yang lain-lain.

Persamaan setiap istilah yang diperihalkan di sini hanya satu; ia lahir daripada suatu latar dan menjadi pantulan imej sesebuah masyarakat yang diwakilinya dan bukan dicipta oleh pengarang. Kata-kata itu muncul dari susur-galur tradisi kehidupan, tempat, kepercayaan dan keyakinan yang berbeza-beza dan di dalam hidup nyata, orang perlu belajar untuk mengadunkannya menjadi harmoni. Di sini saya menyatakan sikap, walaupun saya tidak menikmati banyak perkara sepanjang membacanya, bahawa *Interlok* berusaha untuk mempertemukan nilai-nilai yang berbeza ini, melalui bayangan peristilahan yang merujuk latar berbeza, dan diadunkan untuk membangun tanggapan baru terhadap sebuah perbezaan itu.

Ini adalah semangat 'keterbukaan' yang saya nyatakan awal tadi. Kalaupun bukan daripada khalayak pembacanya, yang pasti ia bertolak lebih awal daripada pengarangnya sendiri. Sama ada yang membaca itu faham atau tidak, itu bukan masalah pengarang. Tetapi, perlu saya jelaskan, dalam berpegang kepada keyakinan seperti dinyatakan ini, saya tidak tahu kalau-kalau pengarangnya memang benar-benar memaksudkan hal yang saya nyatakan di sini.

Tetapi, sebagai kontradiksi, *Interlok* didirikan dalam kotak-kotak terpisah diwakili kaum berbeza, dan kerencaman serta simbol harmoni itu hanya dipertemukan pada buku terakhirnya. Saya tak tahu mengapa pengarangnya bercerita dalam kotak-kotak terpisah seperti itu. Cuma, saya beranggapan, pengarangnya masih termakan dengan imej sosial Tanah Melayu waktu itu atau sebelumnya, seperti yang digambarkan oleh kolonial British melalui sistem pecah-dan-perintah. Walaupun saya secara peribadi tidak bersetuju dengan imajinasi kontang seperti itu, saya tetap menghormatinya. Cara orang melihat sesuatu perkara tak boleh sama, kerana itu lebih menguntungkan. Bagi saya, sesebuah kerja penulisan kreatif, walau apa pun anutan pengarangnya (termasuk *realisme*), perlu mengunjurkan garis sempadan imajinasi dan tidak sepatutnya hanya meletakkan rujukan dan sandaran kepada dunia nyata dan terus habis di situ dan berpuas hati.

Pada 1967, Abdullah Hussain menulis *Interlok* dengan maksud menyertai sayembara penulisan novel sempena 10 tahun Malaysia merdeka anjuran Dewan Bahasa & Pustaka (DBP). Tentunya, seperti lazim, ia disertakan dengan tema dan skop yang perlu dipatuhi. Dan novel berkenaan memenangi hadiah saguhati dan tergolong di dalam novel-novel pemenang yang diterbitkan DBP selepas itu.

Dari situ kita melihat kepungan-kepungan yang perlu dipatuhi *Interlok*. Saya tidak tahu bagaimana pemahaman orang tentang kesusasteraan ketika itu. Begitu juga saya tidak tahu bagaimana orang melihat sisi imajinasi yang pelbagai dan gaya tulisan kreatif ketika itu. *Interlok* dengan segala kelebihan dan kekurangannya telah mengisi satu ruang di dalam lanskap kesusasteraan Malaysia yang entah pernah sampai kemuncak atau tidak, pun saya tak tahu.

Sama ada *Interlok* bagus atau tidak, itu bukan maksud saya untuk menentukannya. Sama ada ia wajar dijadikan teks kajian di sekolah atau tidak, itu juga bukan maksud tulisan ini. Tetapi, seperkara penting yang kerap dilupakan orang (atau mungkin tak berani dilakukan kerana penulisnya seorang Sasterawan Negara) adalah untuk melihat novel berkenaan dengan pandangan-pandangan kritis dan dibincangan. Sisi kritik yang mengasak novel berkenaan dari pelbagai sudut; bahasa, emosi, naratif dan sebagainya, dan bukan sekadar limpahan puji-pujian yang melemakkan dan tiada tapak yang kukuh. Kerana, tanggungjawab sastera adalah di bahu masyarakat. Ia nanti menjadi antara cermin sebuah bangsa di mata orang lain.

Jika ia mampu bertahan dan teruji dengan prinsip-prinsip kritik yang tegas, waktu itu kita memang perlu mengakui bahawa *Interlok* adalah sebuah teks penting sastera Melayu, atau mungkin ada yang lebih senang merujuknya sebagai sastera Malaysia. Bagi saya, ketika ini - dari rentang waktu pembaharu sastera Melayu moden hingga zaman millenium, itu belum berlaku. Kita masih menempel di bawah ketiak bayangan nama-nama besar yang selalu dinostalgia dan di dendangkan; Abdullah Munsyi, Syed Sheikh Al-Hadi, Raja Ali Haji dan Zaa'ba, mungkin.

## KEPENTINGAN INTERLOK DAN PROSES PENGKARYAAN

*Dr. Fatimah Busu*

*INTERLOK* dihasilkan bagi menepati tema kepelbagaian kaum yang ditetapkan oleh pihak penganjur. Tema ini digunakan sebagai usaha memupuk rasa muhibah di antara kaum yang dirasakan kian meruncing pada waktu itu. Ini adalah kebenaran, kerana dua tahun kemudian meletuslah peristiwa sejarah rusuhan kaum terbesar di negara ini pada tahun 1969, yang dikenali sebagai Rusuhan 13 Mei.

Selain dari itu *Interlok* juga memenuhi lima ciri karya fiksi yang utama; imaginasi, realiti, kreativiti, intelektualiti dan nilai estetik. Justru, novel ini bukanlah sebuah novel picisan dan novel sampah-sarap, akan tetapi sebuah karya berat. Dari senarai latar pembelajaran, bidang kerjaya dan pengalamannya yang luas, Abdullah Hussain bukan calang-calang pengarang Melayu di negara ini (*WAJAH Biografi Seratus Penulis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, m.s.71-75). Selain dari mengarang, Abdullah Hussain juga terkenal sebagai penterjemah. Di antara karya terjemahannya ialah *Orang Tua Dengan Laut* (*The Old Man and The Sea* - Ernest Hemingway, 1952), *Bumi Bertuah* (*The Good Earth* - Pearl S. Buck, 1931) dan *Mutiara* (*The Pearl* - John Steinbeck, 1953).

Seperti dipetik dari kata-kata Ghandi, bahawa seseorang yang mahu menulis hendaklah menulis apa-apa yang pernah dialaminya. Meneliti biodatanya dalam *WAJAH Biografi Seratus Penulis* (m.s.72-73), di antara Tahun 1941-1947, Abdullah pernah melakukan berbagai-bagai pekerjaan seperti berkhidmat dengan pasukan *Fujiwara* di Sumatera, ditahan oleh pemerintah Belanda di Medan, dibebaskan oleh Jepun dibawa ke Aceh berkhidmat sebagai *Gunseikanbu* sebagai penjaga stor dalam perusahaan lombong bijih di Pahang (1939). Kemudian jadi kerani *Gunseibu* di Langsa dan jadi *Wakil Kepala Polisi Bahagian Penelitian Aliran Masyarakat* (Special Branch) di Pulau Pinang.

Justru, kemungkinan pengalaman berinteraksi dengan pemerintah Jepun, Inggeris, golongan pekerja dari Cina dan India di lombong dan ladang-ladang serta latar karya-karya terjemahannya inilah yang memberikan sebahagian sumber idea/maklumat tentang kedatangan

awal para buruh kasar dari Cina dan India yang bekerja di Semenanjung Tanah Melayu. Dan segala maklumat itu dicernakan Abdullah dengan sempurna secara ‘vivid’ di dalam karyanya ini menerusi keluarga Cing Huat dan keluarga Maniam. Diperlihatkan juga bahawa kemasukan para buruh Cina dan India ke Tanah Melayu juga digalakkan oleh penjajah Inggeris bagi membantu mengukuhkan ekonomi mereka di tanah jajahannya dengan bekerja di lombong bijih timah, ladang getah, kelapa sawit dan tanaman rempah.

*Interlok* juga dapat diandaikan sebagai sebuah karya ‘interteks’ yang menggabungkan kepelbagaian daya kreativiti tentang ilham, idea, gaya/stail dari para pengarang yang karyanya telah diterjemahkan oleh Abdullah, sebagaimana kata Plato;

“*We have seen there are three sorts of bed. The first exists in the ultimate nature of things, and if it was made by anyone it must, I suppose, have made by God. The second is made by carpenter, the third by the painter.*” (The Republic, 1972, 373)

Kelihatan di sini, latar kehidupan keturunan keluarga Cing Huat sebelum datang ke Tanah Melayu ada sama seperti kehidupan keluarga Wang Long dan O Lan, dalam novel *The Good Earth*. Kemungkinan juga termasuk latar dari novel *Untouchable* yang terjemahannya ke Bahasa Melayu diterbitkan ketika Abdullah Hussain menjadi Pembantu Pengarang Kanan di Oxford University Press waktu itu.

Ketika ditanya secara bertulis kepada beliau di rumahnya di Petaling Jaya pada 8 Januari, 2011, bagaimana beliau mendapat latar goeografi dan latar kehidupan yang lengkap tentang kawasan di Selatan India, Abdullah berkata dia mendapat maklumat itu dari seorang pensyarah wanita India di Universiti Malaya waktu itu. Namun dia sudah lupa namanya.

Sejarah penghasilan karya Kesusasteraan Melayu Moden diperingkatkan ke dalam beberapa zaman tertentu, iaitu sebelum perang, zaman perang, selepas perang, sebelum merdeka atau Asas 50 dan selepas merdeka. Walaupun *Interlok* ditulis selepas zaman kemerdekaan, akan tetapi kandungannya telah dikebelakangkan ke zaman sebelum perang hingga ke zaman sebelum merdeka. Khususnya sekitar awal tahun 1900-1957. Justru *Interlok* adalah sebuah karya perzamanan (period novel) yang menampilkan realiti kehidupan pada zaman berkenaan.

Ini termasuklah kesan sejarah/peristiwa kemasukan para pekerja/buruh dari Cina dan India, ciri-ciri saraan hidup (survival) masyarakat pada zaman itu, penjajahan, kesedaran kebudayaan, sistem pembelajaran yang awal, hubungan ras, seterusnya cetusan semangat kebangsaan. Ruang dan masa yang diambil agak lama, yakni sekitar 50 tahun. Bermula dari awal 1900an hingga ke tahun 1957 dengan ruang-lingkup tiga keturunan. Generasi awal; ibu bapa Halimah (Mak Limah) ibu bapa Pak Musa, Kim Lock dan Perumal. Generasi kedua; Mak Limah, Pak Musa, Cing Huat, Maniam dan Malini. Generasi ketiga; Seman, Gayah, Yew Seng, Poh Eng dan Inspektor Ramakrishna.

Sejarah kedatangan awal orang Cina dan India ke Tanah Melayu dengan tujuan untuk mengubah kehidupan mereka di Negara asal tidak dapat dinafikan. Keluarga Cing Huat berhijrah disebabkan kesukaran dan kesesakan hidup sebagai petani di Negara asalnya Cina sebagaimana kata Morgan;

*“The ordinary Chinese immigrant was a penniless coolies who landed with no more than a thin coat and a pair of blue cotta trousers. He was driven forth from his overcrowded villege by poverty, and he came intending to go back as soon as he could.”*  
(The History of Malaya, 1956, hal. 68).

Inilah juga yang digambarkan oleh Abdullah Hussain tentang hijrah keluarga Cing Huat ke Semenanjung Tanah Melayu. Mereka pada mulanya pergi ke Singapura. Kemudian berpindah-randah ke sana sini hingga menetap di pekan Simpang Empat.

Begitu juga dengan kedatangan Maniam ke Tanah Melayu pada Julai, 1910, boleh ditandai dengan sebahagian fakta sejarah;

*“In the Federated Malay States (FMS) in the lead, there took place large-scale development of European and Chinese entrepreneurial and extractive economic activity, with a startling increase in alien immigration. In the FMS, population rose from 218,000 in 1891 (at the time of the first full census) to 1.7 million in 1931. Already by 1891, as a result of accelerating Chinese (and to a lesser extent Indian) immigrating during the previous two decades.”* (In Search of South-East Asia A Modern History, 1971, m.s. 321).

Fakta itu memang tidak dapat dinafikan. Para buruh dari Cina dan India itu terdiri dari golongan pekerja buruh di Negara asalnya, Cina dan India. Faktor utama penghijrahan orang Cina dan India ke Tanah Melayu selain dari kesusahan hidup di bahagian selatan Cina dan selatan India adalah dengan adanya kemudahan pengangkutan yang menggunakan kapal wap dan sistem ‘kangany’ iaitu ejen pembawa masuk para pekerja asing ke Tanah Melayu (*Sejarah Asia Tenggara 1824-1965*, m.s.296). Bagi penghijrah India, tidak mungkin terdiri dari golongan Brahma, Kshatria atau Vaishyas. Walaupun terdapat juga penghijrah dari golongan berkasta tinggi itu, namun mereka tidak mungkin sanggup bekerja sebagai buruh kasar. Sebaliknya mereka menjalankan pekerjaan yang lebih baik seperti peniaga.

Justru, watak-watak Maniam, Perumal, Suppiah, Raman, dalam *Interlok*, adalah watak-watak yang dibentuk bagi mewakili realiti kehidupan pada zaman itu sebagaimana pernyataan yang berbunyi; ‘*Satu perkara besar yang membuatkan mereka senang bergaul adalah kerana mereka tergolong dalam satu kasta paria. Mereka tidak perlu takut akan mengotori sesiapa kalau mereka bersentuhan*’ (hal.211). Walaupun disebut di sini ‘mereka tergolong dalam satu kasta paria’, akan tetapi tidak boleh diandaikan dan Abdullah juga tidak mengatakan bahawa keseluruhan para imigran India itu terdiri dari kasta paria saja. Abdullah memaknakan bahawa hanya para imigran India di atas kapal berkenaan saja yang terdiri daripada golongan kasta paria. Bagaima-na dengan penumpang kapal-kapal yang lain ?

*Interlok* juga mempunyai nilai kemanusiaan sejagat. Pak Musa menyelamatkan Maniam daripada dibunuh (m.s.267). Seman menyelamatkan Poh Eng daripada perompak (m.s.334). Ramakrishna selamatkan Mak Limah daripada tangkapan Jepun (m.s.363). Dari rasa kemanusiaan ini timbul keinginan tiga kaum terbesar ini, Melayu, Cina dan India untuk membentuk satu rupabangsa, satu masyarakat yang dinamakan Masyarakat Malaya (m.s.395).

Novel *Interlok* menerapkan dua implikasi, iaitu politik dan sosial. Penghijrahan imigran Cina dan India ke Tanah Melayu dalam novel ini, dengan jelas menampilkan implikasi politik. Terdapat beberapa peristiwa yang ada kaitan dengan politik berlaku di kalangan penduduk pekan Simpang Empat. Di antaranya kesedaran semangat nasionalism, pembentukan Malayan Union oleh penjajah Inggeris, peristiwa drarurat dan kemerdekaan. Sementara implikasi sosial dapat dikesan dengan intraksi kaum dan corak saraan hidup (survival) mereka yang tinggal di sekitar pekan Simpang Empat.

Pengetahuan sampingan terpenting dalam *Interlok* ialah, tentang proses asimilasi. Semua bangsa asing yang datang ke Tanah Melayu pada awal zaman moden seperti Arab, Cina, India dan lain-lain tidak diwajibkan menjalani proses asimilasi. Yakni penukaran identiti mereka seperti yang berlaku di Negara Thailand dan Indonesia. Di Tanah Melayu, para pendatang tetap dapat mengekalkan identiti mereka, mengamalkan kebudayaan, bahasa dan agama dengan bebas. Malah mereka dibenarkan mendirikan sekolah yang menggunakan bahasa ibunda mereka. Walaupun Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi negara, namun mereka tidak pernah dihukum kalau mereka tidak menggunakannya.

Impian Maniam untuk datang ke Semenanjung Tanah Melayu diterangkan dengan jelas untuk memperbaiki kehidupan yang lebih baik dari kehidupan sebagai golongan paria yang terhim-pit dan di 'outcast'kan di Negara asalnya India selain diberi bayaran yang murah untuk pekerjaan mereka. Dikatakan tukang sapu dan tukang cuci tandas hanya dibayar sebanyak satu rupee saja sebulan (*Untouchable*, m.s.123). Destinasi Semenanjung Tanah Melayu adalah seperti peribahasa yang berbunyi 'The land over there are always green'. Namun impian ini bukanlah satu yang mudah untuk dicapai. Ia terlalu berliku-liku yang memerlukan pengurbanan dan ketahanan fizikal dan mental dengan kerja keras. Inilah yang cuba dijelaskan oleh Abdullah Hussain bahawa tidak semua para pekerja yang datang ke negara ini dapat mencapai kehidupan yang baik, tanpa kerja keras.

Mula-mula Maniam bekerja sebagai kuli di pelabuhan. Kemudian pindah bekerja di Kebun Bagan Tuan Kecil. Kemudian lagi pindah bekerja di kebun kelapa Cangkat Lima. Berkah-win dengan Malini. Berikutan peristiwa pergaduhannya dengan Suppiah dan ditembak oleh pengurus ladang, Maniam terpaksa tinggalkan isterinya, pindah ke Changkat Janggus. Dalam perjalanan Maniam telah diserang. Dan serangan ini hampir meragut nyawanya (m.s.267).

Rentetan pengalaman hidup Maniam ini selaras dengan pengalaman hidup bekas Presiden MIC, Dato Seri Samy Vellu sebagaimana tersiar dalam ruangan Wawancara dengan wartawan akhbar *Mingguan Malaysia*, Ahad 19 Disember, 2010, hal.7 yang katanya;

*“Bapa dan ibu saya adalah seorang penoreh getah. Saya lahir di Keluang, Johor. Di ladang itu setiap hari ada pergaduhan – setelah diberhentikan kerja kami bertolak dari Renggam Mali Estet ke Batu Enam. Dari Batu Enam ke Kuala Kubu Baharu dan selepas itu ke Rawang. Dari Rawang, kami naik keretapi Malayan Railway dan sampai di Kuang. Selepas itu pergi ke Batu Arang. Kami tinggal selama 12 tahun. Saya bersekolah di Batu Arang --- Pada usia 15 tahun saya bekerja sebagai budak pejabat di Batu Arang ...”*

Perlu diambil kira, bahawa kedatangan orang-orang India ke Tanah Melayu pada zaman moden tidak seperti kedatangan orang-orang India pada zaman purba. Pada zaman itu orang-orang India yang datang ke negara-negara Asia khususnya Asia Tenggara sekitar 300 tahun sebelum masehi, adalah majoritinya terdiri daripada golongan Brahmin yang bertujuan mengembangkan pengaruh agama/ajaran Hinduisme/Buddhisme di kalangan penduduk Asia Tenggara. Merekalah yang membina empayar besar seperti Srivijaya, Sailendra di Jawa dan Langkasuka, di Tanah Melayu. Merekalah yang mendirikan Candi Burubudur dan Lara Jongrang di Jawa, Indonesia, Angkurwat di Kemboja dan candi di Lembah Bujang, Kedah (*Sejarah Asia Tenggara*, 1971, m.s.53-57).

Maniam dalam novel ini diberikan daya determinasi yang tinggi. Diangkat sebagai individu yang mempunyai kewibawaan. Tidak mudah putus-asa. Beberapa kali dia telah menyelamatkan kawan-kawannya termasuk Seman, ibu Seman (Mak Limah) dan Poh Eng dari malapetaka. Seterusnya dapat ‘survived’ dari seksaan Jepun (m.s.354) dan ditolong oleh takdir bertemu dengan anaknya Inspektor Ramakrisyna (m.s.358). Justru watak-watak penting novel ini tidak ada yang diletak sebagai superior dan tidak ada yang inferior. Hanya watak ‘antagonis’ dibentuk melalui Cina Panjang dan Suppiah.

Justru, adalah tidak benar kalau dikatakan ada unsur deskriminasi ras dan penghinaan/pengkhianatan terhadap kaum tertentu sebagaimana didakwakan. *The Sun*, Jumaat 25 Februari, 2011 di m.s. 2 melaporkan Pengerusi bahagian Youth KLSCAH (Kuala Lumpur Section Chinese Assembly Hall) berkata, “...*the novel is filled with racial discrimination and was biased, and should not have been selected as for school use. Besides reinforcing the stereotype of Chinese and Indians as outsiders and immigrants ... this novel also uncounsciously promotes the idea of Malay supremacy in many of its chapters.*”

Pernyataan itu sama sekali tidak berasas. Sebaliknya tiga kaum utama dalam novel ini ditonjolkan dengan peranan samarata. Tidak ada kaum yang terlebih. Tidak ada kaum yang dikurangkan. Ketika Maniam diserang dan hampir dibunuh, Musa datang tolong. Ketika Mak Limah ditangkap, Maniam yang tolong melalui anaknya Ramakrishna (m.s.365-366). Ketika Poh Eng lari dari perompak yang datang ke kedai bapanya, dia ditolong oleh Seman dan membawa-

nya tinggal bersama dengan Mak Limah (m.s.334). Malah keharmonian hidup di antara kaum seperti ini wajar diberi kepujian kepada novel ini.

Pengarang juga memperlihatkan pengetahuannya yang mendalam tentang kepelbagaian istilah yang diberikan kepada para pekerja ladang serta kesedaran budaya perkawinan masyarakat India seperti yang dialami oleh Maniam dan Malini (m.s.226-228). Walaupun tidak dapat dinafikan terdapat beberapa keterangan yang tidak tepat tentang adat, penggunaan bahasa dan latar tempat di India, namun sebagai sebuah karya fiksiyen, ianya bukanlah satu yang relevan.

Satu lagi kelebihan *Interlok* ialah pembentangan latar tempat yang berpanoramik. Keadaan dan suasana dalam ladang, kebun, sawah dan perkampungan dengan aktiviti manusia dan pembauran alam flora dan fauna, menjadikannya sebuah karya yang hidup, ada 'movement'. Yakni tidak kaku, 'bloodless'. Nama-nama tempat yang dipadankan dengan nama pokok seperti Changkat Janggus, Nyior Condong, akan dapat memberikan banyak pengetahuan sampingan, pendedahan secara terus kepada para pelajar tentang flora dan fauna. Nantinya bila memasuki universiti, tidak ada di antara mereka yang tidak kenal pohon lalang, padi dan semuanya. Latar kehidupan kampung dalam novel ini menampilkan kelainan yang ketara dengan kehidupan sekarang. Fungsi ketua kampung, ahli agama dan keragaman kehidupan penduduk kampung secara tidak langsung dapat dijadikan ilmu bantu.

Di samping itu, novel ini juga mempunyai nilai estetik yang tinggi. Pemandangan waktu senja, bunyi unggas, letupan senapang, pengajukan pelat percakapan orang Cina dan orang India dan diskripsi bentuk badan watak serta nama-nama gelaran watak seperti Mat Labu (gemuk, perut buncit) dan Din Jongang dapat memberikan kesan spontan audio-visual kepada khalayak. Dapat dirasakan juga suasana keceriaan di perkampungan itu bertukar secara drastik kepada kemurungan dan ketakutan ketika diserang oleh Jepun. Selain dari itu boleh dikesan melalui penguasaan bahasa dalam penghuraian yang agak terperinci. Sebagai contoh cara penyeksaan Jepun terhadap Maniam (m.s.354).

Segala penyeksaan itu hanya boleh dibaca dalam novel tahun 1940an dan 1950an yang berlatarkan perang seperti *Buruh Keretapi Maut*, 1957 (Hashim Dato' Yub) *Bangkai Bernyawa*, 1949 (Ahmad Lutfi), *Zain Zawiyah*, 1957 dan *Nyawa di Hujung Pedang*, 1946 (Ahmad Murad Nasruddin), *Sungai Mengalir Lesu*, 1967 (A.Samad Said). Terakhir terdapat dalam *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*, 1979 (Anwar Ridhwan).

Semua ciri yang disebutkan yang terdapat dalam *Interlok*, akan dapat membantu para guru kesusasteraan di sekolah meningkatkan ilmu-bantu, pengetahuan sampingan dalam menguasai ilmu kesusasteraan terutama tentang kesedaran kebudayaan, latar sejarah dan latar politik Negara ini. Ini juga memberikan persepsi yang betul tentang kepentingan membuat studi sebuah karya kreatif. Bahawa sebuah karya kreatif bukanlah hanya menampilkan kisah cinta tiga-segi, perkelahian di antara protagonist dan antagonis kerana merebut heroin dan keangkuhan keluarga dato'-dato' dengan rumah besar dan kereta besar, pakai cermin mata hitam gelap-pekat.

Terlalu sukar untuk mendapatkan sebuah karya kreatif yang menerapkan pengetahuan sampingan dengan nilai sejarah, politik, kesedaran kebudayaan dan hubungan ras, seperti *Interlok*. Tidak kurang pentingnya ialah pembentangan tentang corak kehidupan dan ciri-ciri 'survival' masyarakat kampung waktu itu di Semenanjung Tanah Melayu.

Mereka bergantung kepada pertanian, mengusahakan bendang dan perniagaan seterusnya menjadi pekerja di ladang-ladang kelapa dan estet getah kepunyaan orang Inggeris. Setakat ini hanya novel *Tikus Rahmat* (Hassan Ibrahim, 1963) yang menggunakan tikus sebagai simbolik penduduk berbilang bangsa di negara ini dengan melambangkan tikus ladang simbolik kaum India, tikus rumah, kaum Cina dan tikus lembah orang Melayu – paling miskin dan lemah.

Justru, frasa 'orang Melayu bodoh' ini juga satu realiti waktu itu. Ahmad Rashid Talu telah lama menyentuh tentang kemunduran orang Melayu ini melalui novelnya *Iakah Salmah ?* (1926). Kemudian Ishak Haji Muhammad menulis dalam novelnya *Putera Gunung Tahan* (1941). Walaupun tidak ada farsa secara langsung 'orang Melayu bodoh', namun beberapa buah novel Melayu terkemudian banyak menampilkan 'sifat bodoh orang Melayu' ini secara tidak langsung. Telitikanlah novel *Salina* (A.Samad Said) 1960, *Ranjau Sepanjang Jalan* (Shahnon Ahmad) 1966, *Krisis (Alias Ali)* 1966, *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* (Anwar Ridhwan) 1977 dan *Daerah Zeni* (A.Samad Said) 1988.

## BAGAIMANA KITA MENGGAGALKAN *INTERLOK*

*Amir Muhammad*

KETIKA *INTERLOK* karangan Abdullah Hussein pertama kali terbit pada 1971, suasana Malaysia amat berbeza.

Dalam rentang empat dekad itu, kita menjadi semakin multi-perkauman. Hal yang kian larut ini, antara lain, adalah disebabkan oleh implementasi (berbanding matlamat asal) Dasar Ekonomi Baru. Pada 1980an, retorik perkauman 'ketuanan Melayu' juga mula dicanang, dah menimbulkan rasa kurang selesa kelompok bukan Melayu. Melayu tidak pernah berhasrat untuk menjadi 'tuan'. Pertolongan yang diberikan kepada kelompok ini adalah sebagai (seperti yang dinyatakan bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Ismail) hal yang sama dengan *handicap* dalam sukan golf. Tetapi, bila kita mempunyai suara-suara *Establiment* dari pakatan yang terdiri daripada parti-parti berasaskan kaum, setiap parti akan dibayangkan sebagai juara bagi 'kaum' masing-masing, untuk 'berdepan' dengan kaum lain. (Tak dilupa, Barisan Nasional juga dimulakan pada 1971.)

Dasar Kebudayaan Kebangsaan, yang juga diperkenalkan pada 1971, membantu mengubah apa yang sepatutnya menjadi sebuah institusi *Kebangsaan* kepada sebuah institusi *Melayu*. Dengan itu, organisasi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka serta sistem pendidikan negara dilihat dan diterjemahkan dengan kerangka dan acuan 'Melayu/Muslim' berbanding 'Malaysia', seperti yang dapat dilihat tidak hanya daripada nisbah staf mereka, tetapi juga dengan bacaan panjang doa sebelum memulakan apa-apa acara.

Saya fikir *Interlok* ialah sebuah novel yang berbaloi. Terdapat banyak stereotaip (baik dan buruk), dan ada waktunya ia dirasakan versi padanan (walaupun, malangnya, kurang jenaka) kepada *The Malayan Trilogy*. Juga, tiga bahagian awal novel berkenaan yang dibahagi kepada kisah 'keluarga Melayu-Cina-India' turut membawa ingatan kepada pembukaan filem P.Ramlee, *Sesudah Subuh* pada 1968. (Kedua-dua mereka berkawan; satu daripada buku yang saya rujuk untuk menulis *120 Malay Movies* ialah *Kisah Hidup Seniman Agung, 1973* tulisan Abdullah Hussain.)

Retorik tentang *Interlok* ialah petunjuk menyedihkan terhadap suasana intelektual kita kerana ia digemburkan oleh mereka yang tidak membaca keseluruhan novel terbabit. (Sebagai bukti, lihat kenyataan ini: “Saya mengarahkan penyelidik untuk membaca dan menemukan petikan-petikan yang mungkin memperleceh orang Melayu dan menyatakannya.” Ini adalah daripada orang yang mengadakan sidang media untuk menjelaskan mengapa ia merasakan buku berkenaan ‘memperlekeh’!)

Adalah mudah bagi orang berkepentingan untuk memetik mana-mana ayat dan cuba menggunakannya untuk memenuhi tuntutan agenda politik. Anda boleh juga mencubanya terhadap *Huckleberry Finn* atau *To Kill a Mockingbird*, itu belum mengambilkira *The Merchant of Venice* (sebuah kerja yang mana politik perkaumannya lebih bermasalah berbanding *Interlok*). Sistem pengajaran yang baik untuk buku ini akan lebih bermakna untuk memberikan peluang kepada pelajar untuk memperelajari semula beberapa semangat asas yang kita hilangkan dalam tempoh empat dekad itu. Dalam kata lain, ia berlawanan dengan sebuah buku perkauman. Ia malahan jujur. Saya akan memetik tiga babak yang amat saya senangi.

Dalam satu babak, Cing Huat sebagai budak baru meninggalkan kampungnya di China bersama bapanya; mereka pokai dan ketika melepasi pasar di pekan, mereka terliur pada makanan yang tak mampu dibeli:

*Ada bakul-bakul besar yang berisi beras (beras putih, beras gandum merah, hitam dan mas muda), kacang keledai yang kuning, kacang hijau yang besar, jelai. Daging babi bergantung di lehernya, dibelah sepanjang-panjang tubuhnya yang merah, lapis-lapis lemaknya, kulitnya yang putih, tebal dan lembut. Itik bergantung berjajar-jajar, itik merah yang sudah dibakar di atas pemanggang, itik putih, angsa yang dipotong berjurai-jurai.*

Ini prosa evokatif; dan khinzir menjadi bahagian penting babak ini dalam maksud yang terlepas daripada penghakiman yang sama sekali jarang mahu diharapkan daripada seorang sasterawan yang selesa bersongkok.

Satu lagi adalah ketika Maniam pertama kali melihat daratan yang bakal menjadi rumah barunya:

*Waktu kapal itu mendekati pantai Pulau Pinang, Maniam terasa negeri yang didatanginya itu sama seperti negerinya sendiri. Pohon kelapa melambai-lambai di tepi pantai dan warna hijau menutupi sebahagian besar daratan pulau itu. Negerinya juga begitu. Lereng Gunung Nilgiris hijau dengan pokok-pokok kayu putih yang tinggi-tinggi mewangi. Maniam sedikit pun tidak berasa bahawa dia datang ke negeri asing.*

Syahdu. Silibus sekolah yang jernih akan membolehkan guru-guru memanjangkan perbincangan dengan pelajar mereka kepada sejarah orang India dan Asia Tenggara yang terjalin berkurun dulu. Malahan, kerajaan awal di semenanjung Tanah Melayu semuanya dari pengaruh Hindu-Buddha.

Lihat juga babak di mana isteri Maniam (tidak seperti lelaki-lelaki sekelilingnya) berani berdepan dengan tuan 'Putih' ladangnya, untuk mempertahankan kebenaran tentang suaminya:

*Malini membesarkan anak matanya. Dia tidak takut pada orang putih itu lagi. Mem itu juga dia tidak takut ... Sekali lagi Perumal menjeling. Dia menyumpah-nyumpah anaknya, kerana berani bercakap dengan orang putih begitu ... Orang putih itu rasa kagum juga pada perempuan yang kurus ini.*

Ini peluang berguna untuk pelajar membincangkan peranan jantina dalam masyarakat: adakah agak menyejutkan kejadian dia bersuara bagi pihak suaminya, dan apakah kesan jika wanita hanya selalu membisu?

Buku ini ditulis hujung 1960an bagi penyertaan sebuah peraduan memperingati 10 tahun Kemerdekaan Tahan Melayu. Dengan itu, ada perkara diketengahkan untuk memenuhi tema berkenaan. Banyak penekanan terhadap kesengsaraan individu yang dilalui wataknya, supaya penyatuan dihujungnya nanti lebih bermakna dan optimistik. Dengan itu, pemaksaan terhadap elemen 'negatif' pada tiga bab terawal buku ini, perlu direntas dan untuk itu disembuhkan ketika novel berkenaan tiba di bahagian penghujung yang muhibah.

Cara buku ini dipetakan turut mencerminkan penekanan tertentu terhadap 'elemen negatif setiap pecahan kaum' (seperti sistem kasta Hindu, yang dirujuk dua kali). Bahagian 'Melayu' turut mempunyai: kemalasan (bapa Seman lebih sanggup menggadaikan tanah berbanding bekerja lebih keras di bendang), percaya tahyul (orang yang sama, ketika sakit tenat, dirawat oleh bomoh berbanding doktor) dan keengganan terhadap pendidikan (Seman dibiarkan buta huruf kerana orang tuanya tidak nampak keperluan sekolah).

*Interlok* ialah dari segelintir kelompok novel Melayu yang mempunyai watak bukan Melayu yang utama. Yang memalukan adalah ia sepatutnya menjadi pertama di antara novel-novel tempatan yang melakukan perkara sama. Jika ini halnya, kita tidak akan ketandusan pilihan bagi 'novel 1Malaysia' untuk menepati silibus sastera. Tetapi seperti yang diketahui, politik kebudayaan 1971 dan selepasnya menjadikan lebih banyak novel seperti ini semakin payah: pengarang Melayu mula menulis buku 'Melayu'; 'pendidik Cina' mula membangunkan 'sistem sekolah Cina' (yang dahulunya tidak semaju kini); dan sebagainya.

Kerana realitinya institusi kebangsaan kini lebih terarah kepada citra 'Melayu/Muslim' berbanding citra 'Malaysia', muncul pula ketidakpercayaan dan persoalan setakat mana kemampuan institusi-institusi ini untuk berlaku neutral. Dengan itu, sindiran automatik terbit dan mengiringi slogan 1Malaysia. Bagaimana untuk mempercayainya, ketika kelompok pemerintah dan *establishment* mengamalkan pendekatan 'pecah-dan-perintah' berdekad lamanya? (Dan ketika Timbalan PM pernah mengatakan dia 'Melayu dahulu'?)

Dalam empat dekad terakhir, berapa ramai penulis yang mempunyai tarikan kebangsaan? Saya fikir hanya Lat, dan mungkin Usman Awang (tetapi adalah kanak-kanak membaca Usman Awang waktu ini?). Termasuk di dalam pentas popular, nama penghibur yang memiliki tarikan dan objektif pan-nasional makin berkurangan: Sudirman, Alleycats, Yasmin Ahmad. Hampir semua orang lain menjadi 'Melayu' berbanding 'Malaysia'. (Kini, ada juga perkara yang seiras, sistem bintang 'Cina', seperti yang dilihat dalam kejayaan filem seperti *Tiger Woohoo* (2010) dan selepasnya).

Dalam kekecohan tentang *Interlok*, kita mendengar dari 'NGO India' dan 'NGO Melayu'. Mengapa sedikit benar 'NGO Malaysia' atau mungkin orang Malaysia yang bersuara? (Kecuali kenyataan yang dibuat Chandra Muzaffar, yang mana saya bersetuju.) Ia juga agak berlebihan bagi persatuan-persatuan seperti Gapena dan Perkasa (kedua-duanya lebih 'Melayu' berbanding 'Malaysia') untuk tiba-tiba menjuarai kebebasan bersuara. Jika mereka konsisten, mereka akan berbuat perkara yang sama kepada Namewee, yang mana haknya untuk mencipta dan berkongsi kerjanya saya pertahankan.

Saya terkejut dengan mereka yang tidak pernah berminat untuk membaca novel berkenaan tetapi menjadi yang paling lantang dan berapi-api dalam protes mereka. Jika betul difikirkan, *Interlok* boleh menjadi peluang menakjubkan untuk pelajar kita menemukan jalan –jalan yang mana mereka boleh bangunkan dan pengukuhan pandangan-pandangan dunia secara asas (dan bukan perkauman) yang dibawakan *Interlok*.

Tetapi, dalam masa sama, saya fikir saya memahami bagaimana kita terjebak dalam kancuh ini. Setiap komuniti kini ketagihkan seperti apa yang pernah diungkapkan orang Amerika, melalui seorang pengkritik Australia, "budaya rungutan". Luka kita adalah sebuah ingatan yang perlu dihormati. Kita telah diminta untuk sedar tentang negara dari mana asal-susul nenek-moyang kita datang dan kita kabur daripada melihat negara bagaimana yang sedang kita bangunkan untuk anak-cucu kita.

Novel *Interlok* tidak bersalah. Kita, bangsa Malaysia, yang membenarkan diri sendiri terhumban dan bersalah.

## NOTA PARIA TENTANG SASTERA

*Mohd. Affandi Hassan*

*“Benarkanlah penulis kita melukis kenyataan Malaysia, walau betapa pun tidak manis kenyataan itu. Kerana mereka juga berfikir bagi pihak kita, dengan sudut pandangan mereka sendiri, yang walaupun berlainan, masih diperlukan di negara demokratis, yang memberi kebebasan kepada sasterawannya untuk menulis, berfikir dan berpendirian. Marilah kita, rakyat Malaysia, membaca sastera dari pendekatan sastera dan menghormatinya secara wajar dan pintar, supaya darinya dapat kita kutip pemikiran dan kearifan sasterawan kita.”*

KUTIPAN DI ATAS merupakan bahagian akhir atau kesimpulan daripada kenyataan rasmi bertarikh 8 Mac 2011 oleh empat orang sasterawan negara (Muhammad Haji Salleh, Shahnnon Ahmad, Anwar Ridhwan, Noordin Hassan) tentang isu *Interlok*, novel Abdullah Hussein, juga seorang sasterawan negara, yang ditolak oleh orang India (Hindu atau Muslim atau penganut lain-lain agama) kerana di dalamnya terdapat perkataan ‘paria’ yang dikatakan menghina orang India, kerana dihujahkan bahawa tidak ada ‘paria’ dalam masyarakat India, yang hanya merangkumi beberapa kasta yang telah diterima umum - dan tidak termasuk paria - sebagai kasta. ‘Paria’ tidak lain kecuali hanya satu istilah untuk menghina mereka secara keseluruhan.

Pada hakikatnya, kata para ahli, tidak ada kasta dalam kepercayaan Hindu, kecuali kasta Brahmin yang menjadi para pemimpin masyarakat Hindu yang menyatu-padukan mereka. Itulah hakikat yang ada di Malaysia, oleh itu mereka tidak boleh terima apabila mereka dikatakan berasal daripada kasta pariah, yang memang tidak ada. Pada mulanya orang India yang tidak paria mendesak supaya perkataan itu dibuang daripada novel itu; tetapi kemudiannya mereka menolak novel itu secara tuntas, tidak boleh masuk kelas di sekolah-sekolah untuk dijadikan teks sastera dalam Komsas.

Semua orang Melayu yang berpegang kepada peri pentingnya sastera dalam kehidupan mereka, terutama sekali para sasterawan, menentang keras sebarang perubahan yang didesak supaya dilakukan; apatah lagi untuk menutup pintu bilik darjah daripada dimasuki oleh novel itu, yang menurut mereka amat tinggi mutunya dan sangat cantik gaya penulisannya. Berdasarkan latar belakang ini, maka tampillah empat orang sasterawan negara membantah kelakuan kelompok India itu. Kenyataan rasmi ini diajukan selepas beberapa bulan (lebih dari tiga bulan) kekecohan ini timbul.

Adakah ini bermakna empat orang sasterawan ini juga ikut serta dalam kekecohan, dalam sensasi yang dimulai oleh orang India itu? Perhatikan kesimpulan mereka: “*Benarkanlah penulis kita melukis kenyataan Malaysia, walau betapa pun tidak manis kenyataan itu.*” Apakah maksud mereka? Apakah yang tidak manis itu? Kesimpulan ini merupakan pembelaan kepada karya Abdullah Hussein, seperti yang pernah dilakukan oleh Panel Anugerah Sastera Negara dalam laporan mereka yang membela novel picisan dan erotik Abdullah Hussein berjudul *Kuala Lumpur Kita Punya* (Laporan 1996, halaman 17. Panel tahun itu dipengerusikan oleh YB Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Menteri Pelajaran).

Orang Melayu yang berfikiran siuman berasa aneh dengan pembelaan ke atas karya itu; mereka tidak gembira membacanya kerana hujah-hujah yang diberikan adalah palsu dan terlalu dicari-cari. Mereka menolak hujah dan keputusan Panel Anugerah Sastera Negara kerana bertentangan dengan ‘kenyataan’ yang mereka fahami dalam konteks Islam. Tetapi hujah itu mencerminkan satu falsafah sastera yang sangat berpengaruh di Barat dan juga di Malaysia, yang dipanggil *realisme*.

Atas nama *realisme*, para sasterawan diberi kebebasan untuk menulis apa saja yang mereka panggil kebobrokan masyarakat; dengan itu *Kuala Lumpur Kita Punya* adalah satu hasil sastera yang wajar dan sesuai dengan keadaan ketika itu (inilah hujah Panel yang paling asasi); dan berasaskan faham *realisme* itulah juga Shahnnon Ahmad menulis *masterpiecenya* berjudul *Shit* (1999), yang kini menunggu giliran untuk dijadikan teks sastera kerana novel itu mencerminkan satu era yang paling buruk dalam sejarah politik Malaysia moden.

Apakah yang dimaksudkan dengan ‘kenyataan Malaysia’? Dalam konteks yang dimaksudkan oleh para sasterawan negara tersebut, ‘kenyataan Malaysia’ bermaksud Abdullah Hussein telah menyatakan sesuatu yang benar apabila beliau memasukkan perkataan pariah dalam novelnya, oleh itu tidak wajar dibantah oleh sesiapa pun. Itu maksud khusus. Maksud umumnya ialah penerbitan novel *Shit* oleh Shahnnon Ahmad, yang telah mentakrifkan dengan jelas maksud ‘kenyataan Malaysia’ yang tidak manis itu termasuk juga tahi, kencing dan lendir serta segala kekotoran yang ada di dalam perut ahli politik (tidak termasuk dalam perut para sasterawan yang tidak mempunyai kekotoran itu).

Inilah *realisme* yang menjadi pegangan para sasterawan Malaysia, yang mereka pertahankan dengan amat gigih sehingga ada di antara mereka berkata mereka sanggup mati (syahid?) mempertahankannya. Itu maruah bangsa, tidak boleh bertolak ansur. Dalam hal ini semua sasterawan Melayu adalah Hang Jebat yang sanggup melakukan apa saja untuk mempertahankan ‘sastera’nya, sama seperti Hang Jebat sanggup menderhaka (tidak sama dengan membela kebenaran) untuk mempertahankan sahabatnya!

Sekarang kita baca dengan kritis pandangan empat orang sasterawan negara dan pendirian para sasterawan ini. Pertama sekali, mereka tidak mempunyai fahaman yang mendalam dan betul tentang aspek ‘kenyataan’ atau ‘realiti’ dalam kehidupan manusia. Hal ini terjadi kerana keterbatasan pengetahuan mereka dalam perkembangan tamadun manusia, terutama sekali dalam tamadun Islam.

Mereka tidak dapat membezakan antara realiti semu (yang palsu), dengan realiti hakiki (yang benar), seperti yang ditunjukkan dalam al-Quran dalam kisah Balqis dan Nabi Sulaiman a.s, dalam kisah Nabi Musa a.s. dan para ahli sihir Mesir, dalam peristiwa terhirisnya jari perempuan Mesir sewaktu melihat ketampanan Nabi Yusuf a.s.

Walaupun Anwar Ridhwan menyatakan bahawa Prof. Dr. Muhammad Hj. Salleh telah membaca 160 buah teks sastera lama, termasuk teks yang bercorak Islam, namun beliau tidak dapat mengenal mana satu realiti semu, mana pula realiti hakiki. Kedua-dua sasterawan negara ini tidak mempunyai pengalaman ilmiah yang membolehkan mereka melihat realiti semu dan membezakannya dengan realiti hakiki.

Oleh itu, apabila mereka bercakap tentang 'kenyataan Malaysia' dan memohon supaya para sasterawan diberi kebebasan untuk menyatakan 'kenyataan Malaysia' itu walaupun tidak manis, maka mereka bercakap tentang 'realiti semu', yakni realiti palsu. Bagi Prof. Dr. Muhammad Hj. Salleh yang menulis kenyataan rasmi itu, realiti semu dan realiti hakiki sama saja, kerana semuanya adalah 'realiti' yang tidak perlu dipisahkan.

Kesimpulan ini tentu saja bertentangan dengan pengalaman intelektual dan pengalaman beragama dalam Islam. Misalnya, dalam peristiwa Balqis, terang dan jelas al-Quran menyebut Balqis telah keliru melihat lantai berkilat istana Nabi Sulaiman a.s. yang disangkanya air, lalu dia menyingkap pakaiannya supaya tidak basah.

Dalam peristiwa Nabi Musa a.s. dengan ahli sihir Firaun yang handalan, ahli sihir itu dengan mudah melihat realiti hakiki dan menerimanya lalu menerima agama tauhid dan mati syahid kerana itu. Dalam peristiwa perempuan Mesir memotong jari mereka kerana terlalu ghairah dan berkobar nafsu syahwatnya tatkala melihat Nabi Yusuf a.s. yang tampan lalu di depan mereka.

Dalam kes ini, di manakah duduknya realiti hakiki dan di mana pula realiti semu? Perempuan Mesir telah tertipu oleh hawa nafsu mereka, sehingga mereka sanggup menghiris jari mereka sendiri. Jika peristiwa ini dikaitkan dengan fahaman tentang realiti yang dipegang oleh para sasterawan kita, bolehkah kita membuat kesimpulan bahawa mereka, para sasterawan ini, tidak sedar bahawa mereka setiap masa menghiris jari sastera mereka kerana tidak mahu menerima realiti hakiki yang mereka tolak berasaskan kemahuan hawa nafsu sastera mereka? Syahwat sastera para sasterawan ini terlalu besar untuk menerima hakikat ini, oleh itu mereka tidak berasa apa-apa kerana mereka tidak tahu hakikat realiti, dan lemas dalam realiti semu. *Wallahu a'lam.*

Empat orang sasterawan ini meminta rakyat Malaysia "membaca sastera dari pendekatan sastera dan menghormatinya secara wajar, supaya darinya dapat kita kutip pemikiran dan kearifan sasterawan kita." Apakah makna "membaca sastera dari pendekatan sastera"? Inilah pendirian Kritikan Baru (*New Criticism*) yang kini sudah ditinggalkan, tetapi masih dipertahankan dengan gigih oleh para sasterawan di Malaysia.

Inilah juga pendirian anggota Panel Anugerah Sastera Negara, yang melihat apa yang mereka namakan sebagai 'karya sastera' sebagai cetus kudus dan khusus oleh para sasterawan untuk 'meluahkan' apa-apa yang ingin mereka 'luahkan'. Asas fahaman ini ialah kebebasan penulis menulis tentang apa saja yang mereka mahu dalam konteks *realisme* yang dipraktikkan di Barat. Oleh sebab *realisme* itu dikaitkan dengan kejadian buruk (bobrok) dalam masyarakat, maka seorang sasterawan boleh menulis dengan bebas tentang "kenyataan dalam masyarakat walaupun tidak manis".

Dengan itu lahirlah karya-karya seperti *Kuala Lumpur Kita Punya* yang erotik dan picisan; *Salina* yang mengangkat pelacuran sebagai tema agung dalam kesusasteraan; sajak *Pulang Si Tenggang* yang menjulang penderhakaan terhadap ibu bapa dengan menukar penderhakaan itu menjadi pencarian makna diri manusia (yakni pensajak sendiri); novel *Ranjau Sepajang Jalan* yang menjadikan kebodohan watak sebagai unsur tragedi yang indah dan mengharukan; cerita pendek *Dunia adalah Sebuah Apartmen* yang menjadikan perzinaan sebagai pencarian identiti anak muda Melayu moden dengan bergelumang dalam maksiat.

Alasan mereka ialah semua kejahatan ini sesuatu yang memang benar-benar terjadi, sesuatu yang realistik, yang berada dalam masyarakat, yang dilakukan oleh ramai manusia, oleh itu menjadi satu tuntutan kepada para sasterawan untuk mengabadikannya dalam karya mereka supaya pembaca tahu itulah kejahatan mereka sendiri (bukan kejahatan para sasterawan yang hanya melukiskannya saja).

Tetapi pembaca tidak harus mencari apa-apa makna, apa-apa ajaran moral atau apa juga kebaikan, kerana karya sastera tidak perlukan itu semua. Inilah penegasan anggota Panel Anugerah Sastera Negara dalam laporan mereka, terutama sekali ketika memuji karya A. Samad Said yang bagi mereka sangat bermutu tinggi kerana tidak terikat kepada apa-apa ajaran moral. Panel memuji tinggi teknik novel *Langit Petang* yang menceritakan perzinaan seorang perempuan Melayu yang meniduri 18 orang lelaki.

Tetapi di sini terjadi percanggahan yang amat ketara, apabila Prof. Dr. Muhammad Hj. Salleh dalam *Puitika Sastera Melayu* menekankan ajaran moral, sebagai ciri utama dan penting dalam sastera Melayu lama. Adakah beliau masih berpegang dengan kesimpulan beliau itu? Nampaknya tidak, jika kita boleh percaya kenyataan rasmi yang ditulis beliau dan rakan-rakannya itu. Berasaskan pandangan para sasterawan negara dan keputusan yang dibuat oleh Panel Anugerah Sastera Negara, sudah jelas bahawa kesusasteraan Melayu moden tidak menjurus kepada pembinaan budaya ilmu yang mantap; malah sebaliknya merayau jauh ke lembah hawa nafsu seperti yang dikutuk oleh al-Quran.

Adakah ini merupakan sejenis kekeliruan besar dalam memahami peranan dan tugas seni dalam masyarakat beradab? Pendirian begini, yakni membebaskan sastera seperti kuda liar di padang liar telah dikritik dan dikutuk oleh Islam, dan hakikat ini diketahui oleh empat orang sasterawan ini. Jadi, mengapa masih berpegang kepada konsep sastera yang *autonomous* seperti fahaman Kritikan Baru yang telah ditolak di Amerika Syarikat sendiri?

Sekiranya para sasterawan ini ingin membela rakan mereka yang menulis *Interlok*, tindakan yang harus mereka lakukan amat mudah dan jelas. Mereka tidak perlu berpusing-pusing, berbelit-belit mengucapkan kekeliruan mereka untuk dijadikan panduan oleh masyarakat. Mereka tahu Tun Abdul Razak, atas nasihat para sasterawan sendiri yang ingin bermuka-muka dengan ahli politik, mencadangkan supaya diadakan peraduan menulis novel sempena sepuluh tahun merdeka. *Interlok* dapat hadiah sagu hati.

Tidak ada hadiah pertama dan kedua, begitu 'ketat' penilaian para juri. Lantas mereka berikan hadiah ketiga kepada Arena Wati, yang amat mengecewakan beliau dan para sasterawan juga. Kemudian sewaktu menjadi Menteri Pelajaran, anak Tun Razak menjadi pengerusi Panel Anugerah Sastera Negara, lalu memilih Abdullah Hussein sebagai pemenang 1996. Jadi *Interlok* telah dirasmikan dua kali, telah diterima oleh kerajaan sendiri sebagai karya besar Malaysia yang mesti dipelajari oleh budak-budak sekolah di Malaysia supaya mereka sedar diri tentang sukarnya perundingan (bukan perjuangan) kemerdekaan, yang disertai oleh golongan Brahmin dari India yang didatangkan ke Tanah Melayu untuk dijadikan kuli oleh Inggeris di Tanah Melayu.

Dalam rundingan (bukan perjuangan) kemerdekaan itu, kaum Cina diwakili oleh golongan Mandarin dan golongan tauke mereka; manakala kaum (bukan lagi bangsa) Melayu diwakili oleh golongan pertuanan mereka. Itulah fakta sejarah, menurut sasterawan Abdullah Hussein. Dan fakta ini telah diterima dengan rasmi oleh kerajaan Malaysia. Hakikat ini menjadi hujah yang kukuh untuk kerajaan Malaysia berbuat apa saja yang mereka mahu, tetapi mereka tidak harus mengelirukan rakyat dengan berdolak-dalik kononnya perlu dicari penyelesaian yang diterima oleh orang India yang ada sekarang, keturunan daripada pendatang yang dibawa Inggeris sebelum merdeka.

Mengapa orang India tidak boleh terima fakta sejarah ini? Datuk nenek mereka sudah berada di Tanah Melayu dan di Kepulauan Melayu sejak beribu tahun, dan mereka memang datang dari India, bukan anak tempatan. Hakikat sejarah ini yang harus ditekankan oleh para sasterawan negara ini. Mengapa mereka perlu bermain politik seperti ahli-ahli politik? Itulah kesilapan mereka, para sasterawan ini, yang akhirnya turut mengeruhkan lagi suasana yang sudah keruh kerana kegilaan manusia kepada kuasa politik dan ekonomi dan mungkin juga kepada kuasa sastera. Menerima hakikat sejarah tidak bererti terjerumus ke dalam gaung perkauman, seperti yang ditegaskan oleh para pendatang yang dibawa oleh penjajah untuk menjadi kuli mereka di ladang-ladang getah dan di lombong bijih timah.

Mereka, iaitu para sasterawan negara dan para sasterawan umumnya, menolak sedikit perubahan yang perlu dilakukan ke atas novel itu, sekali lagi berasaskan kebebasan penulis dan maruah penulis yang telah ditakdiskan oleh Panel Anugerah Sastera Negara. Semua ini mengarah kepada sikap angkuh mereka sendiri, yang mahu diterima sebagai golongan Brahmin Sastera yang tidak boleh disentuh.

Padahal mereka semua tahu sebahagian karya Shakespeare sendiri telah dipermudah dan dinatharkan oleh Charles Lamb dan kakaknya Mary Ann untuk diterbitkan sebagai *Tales From Shakespeare* (1807), yang mendapat sambutan begitu baik daripada masyarakat Inggeris, sehingga memungkinkan dua orang sasterawan Inggeris itu hidup senang kerana jualan bukunya.

Buku ini diterjemahkan ke bahasa Melayu dalam tahun 1920an, atas inisiatif Pendeta Za'ba (yang menterjemahkannya sendiri) yang ketika itu Ketua Pengarang, Pejabat Karang Mengarang di Tanjung Malim (diterbitkan tahun 1929 dengan judul *Cerita-Cerita Shakespeare*). Meringkaskan karya tebal dan sukar difahami budak-budak sekolah telah dibudayakan dalam masyarakat Barat sejak lama, malah sudah dijadikan satu perniagaan besar dalam penerbitan dengan terbitnya *Reader's Digest* dan *Novel Digest* oleh syarikat itu. Hanya di Malaysia saja belum dilakukan secara meluas, kerana sebab-sebab yang berkaitan dengan maruah penulis yang tidak boleh disentuh. Begitu hebat sasterawan Malaysia ini!


Nampaknya bukan kecerdikan dan kebijaksanaan atau kesedaran kepada perkembangan persuratan yang meluas yang dipamerkan oleh para sasterawan dan sarjana dalam menangani masalah remeh-temeh ini, tetapi yang dipamerkan itu sejenis keangkuhan yang tidak perlu, yang barangkali boleh dinamakan keangkuhan sastera. Para sasterawan ini jelas menentang idealisme mereka sendiri. Kalau karya sastera itu memang bertujuan untuk mendidik masyarakat, terutama pelajar, mencintai nilai-nilai kemanusiaan dan nilai murni (yang sebenarnya lebih tepat dipanggil nilai-nilai yang keliru), maka mereka tidak harus didedahkan kepada apa juga konflik perkauman yang tidak perlu yang akan mereka hadapi di dalam kelas jika mereka dibiarkan membaca *Interlok* dalam bentuk asal, yang memang bukan ditulis untuk mereka, tetapi ditulis untuk memuaskan nafsu politik ahli politik dan nafsu sastera para sasterawan ketika itu. Sebagai sebuah karya propaganda, *Interlok* memerlukan kaedah pengajaran sastera yang betul, yang boleh mencungkil persoalan sebenar novel itu. Dalam konteks ini, kaedah yang dianjurkan oleh gagasan Persuratan Baru yang berasaskan ilmu yang benar boleh membantu pelajar supaya terhindar daripada pertikaian perkauman yang memang menjadi dasar dan teras penulisan *Interlok*.

---

\*Tulisan ini dipetik dan disunting daripada tulisan asal berjudul Sebuah Nota Paria Tentang Sastera Yang Tidak Paria, diterbitkan pertama kali oleh penulisnya di laman <http://pbaru.blogspot.com>. Disiarkan kembali dengan persetujuan pengarang yang telah membuat pembetulan dan sedikit tambahan untuk lebih menjelaskan kandungan rencana ini.

## **BIODATA SETIAP PENULIS**

Boleh tanya Lebai Google yang amat mengetahui. Sambil mencari, boleh juga jumpa tulisan-tulisan mereka yang lain. Selamat mencari dan membaca :-)



ISBN TIDAK PERLU